

D.R. 20/2011

**RANG UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN
PERKHIDMATAN WANG 2011**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan ketidakpakaian
2. Tafsiran
3. Fungsi, kuasa dan kewajipan Bank

BAHAGIAN II

PELESENAN

4. Larangan menjalankan perniagaan perkhidmatan wang
5. Permohonan bagi lesen
6. Kehendak bagi lesen
7. Pemberian atau keengganan memberikan lesen
8. Fi
9. Pembaharuan lesen
10. Syarat lesen
11. Mempamerkan lesen
12. Pembatalan lesen
13. Rayuan terhadap pembatalan lesen
14. Lesen hendaklah dikemukakan kepada Bank
15. Kesan ke atas lesen apabila habis tempoh, tidak dibaharui, dibatalkan atau diserahkan balik
16. Penyerahan balik lesen
17. Pemeliharaan hak dan tuntutan
18. Kelulusan untuk menukar nama pemegang lesen
19. Sekatan ke atas perniagaan
20. Penyiaran senarai pemegang lesen

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN III

PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG

Fasal

21. Pejabat pemegang lesen
22. Penyelenggaraan modal
23. Penggunaan perkataan “perniagaan perkhidmatan wang”, dsb.
24. Nama hendaklah dilekatkan di luar pejabat
25. Iklan
26. Ketulusan dalam urus niaga
27. Pemegang lesen hendaklah mengeluarkan resit
28. Penyenggaraan rekod oleh pemegang lesen
29. Jualan, pajakan, dsb., perniagaan perkhidmatan wang
30. Pelantikan pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pengurus
31. Pelantikan juruaudit
32. Pemegang syer pemegang lesen
33. Membuat perubahan dalam struktur pemegangan syer
34. Pengemukaan maklumat atau dokumen
35. Pengemukaan maklumat palsu
36. Perkiraan operasi dan tadbir urus

BAHAGIAN IV

PERNIAGAAN PENGIRIMAN WANG

37. Dana pelanggan hendaklah disimpan berasingan
38. Perakuan penutupan
39. Kehendak operasi
40. Penggunaan sistem pengiriman wang oleh pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengiriman wang
41. Pembatalan kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 40(1)

BAHAGIAN V

EJEN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG

42. Pelantikan ejen perniagaan perkhidmatan wang
43. Permohonan dan pemberian kelulusan

Fasal

44. Daftar ejen perniagaan perkhidmatan wang
45. Larangan menjalankan perniagaan perkhidmatan wang bagi pihak pemegang lesen
46. Ejen perniagaan perkhidmatan wang hendaklah mematuhi peruntukan Akta, dsb.
47. Pembatalan kelulusan pelantikan ejen perniagaan perkhidmatan wang

BAHAGIAN VI

PEMERIKSAAN

48. Pemeriksaan ke atas pemegang lesen, dsb.
49. Pemeriksaan ke atas orang tertentu
50. Hak bagi akses dan pengemukaan harta, dsb.
51. Kehadiran di hadapan pemeriksa
52. Kerahsiaan laporan pemeriksaan

BAHAGIAN VII

PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

53. Pelantikan pegawai penyiasat
54. Kuasa pegawai penyiasat
55. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
56. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
57. Kuasa pegawai penyiasat dalam penjalanan penyiasatan
58. Akses kepada data, dsb.
59. Waran boleh diterima walaupun cacat
60. Senarai harta, dsb., yang disita
61. Pelepasan harta, dsb., yang disita
62. Halangan terhadap penjalanan kuasa pegawai penyiasat
63. Kehendak supaya menyediakan terjemahan
64. Notis panggilan pemeriksaan
65. Kuasa untuk memeriksa orang
66. Penyerahan dokumen perjalanan
67. Bantuan kepada pegawai polis atau pihak berkuasa awam, dsb.
68. Pegawai penyiasat disifatkan sebagai pekhidmat awam dan pegawai awam

Fasal

69. Kesalahan boleh tangkap
70. Orang yang ditangkap untuk diserahkan kepada polis
71. *Agent provocateur*
72. Orang tertentu yang berkenaan dengannya kuasa-kuasa penyiasatan boleh dijalankan

BAHAGIAN VIII

KUASA-KUASA LAIN BANK

73. Kuasa Bank untuk mengeluarkan arahan
74. Kuasa Bank untuk mengeluarkan garis panduan, dsb.
75. Kuasa Bank untuk mengambil tindakan pentadbiran
76. Tindakan sivil oleh Bank
77. Kuasa mahkamah untuk membuat perintah tertentu
78. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
79. Kuasa Bank untuk menyiar kan maklumat

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

80. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
81. Kesalahan oleh pekerja atau ejen
82. Pencantuman kesalahan
83. Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang
84. Kerahsiaan
85. Penzahiran yang dibenarkan
86. Percubaan, pensubahatan dan pakatan
87. Penalti am
88. Kuasa untuk mengkompaun
89. Pendakwaan
90. Menteri boleh meminda Jadual
91. Pengecualian
92. Akta hendaklah dibaca bersama Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953

BAHAGIAN X

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Fasal

93. Pemansuhan
94. Kecualian
95. Pemberian lesen kepada orang yang disifatkan sebagai dilesenkan atau dibenarkan untuk menjalankan perniagaan
96. Peralihan

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan, pengawalseliaan dan penyeliaan perniagaan perkhidmatan wang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan ketidakpakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Perniagaan Wang 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Akta ini tidak terpakai bagi mana-mana peniaga yang diberi kuasa.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akun” termasuklah rekod apa-apa transaksi kewangan pemegang lesen;

“Akta yang dimansuhkan” ertinya Akta Pengurusan Wang 1998 [Akta 577];

“amalan tidak selamat dan tidak wajar” ertinya apa-apa amalan atau kelakuan seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang yang mewujudkan kemungkinan kehilangan, ketaksovenan, atau kelesapan aset pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu, atau yang selainnya memudaratkan kepentingan pelanggannya atau kepentingan awam;

“Bank” ertinya Bank Negara Malaysia;

“bank berlesen” ertinya—

- (a) suatu bank berlesen yang mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372]; atau
- (b) suatu bank Islam yang mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Bank Islam 1983 [Akta 276];

“dana” atau “wang” termasuklah apa-apa unit akaun atau unit nilai yang memudahkan pembelian barang atau perkhidmatan;

“data” ertinya gambaran maklumat atau konsep yang sedang disediakan atau telahpun disediakan dalam sesuatu bentuk yang sesuai bagi kegunaan dalam sesuatu komputer;

“ejen perniagaan perkhidmatan wang” ertinya seseorang—

- (a) yang dilantik oleh seorang pemegang lesen mengikut seksyen 43 untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan wang bagi pihak pemegang lesen itu; dan
- (b) yang berdaftar dengan Bank sebagai seorang ejen perniagaan perkhidmatan wang di bawah seksyen 44;

“Gabenor” ertinya Gabenor Bank dan termasuklah seseorang Timbalan Gabenor Bank;

“harta” ertinya—

- (a) tiap-tiap jenis aset, sama ada yang zahir atau tidak, harta alih atau tak alih, yang ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperoleh; atau

(b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam apa-apa bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang menjadi keterangan tentang hakmilik atau kepentingan mengenai, aset itu, termasuk kredit bank, cek kembara, cek bank, kiriman wang, syer, sekuriti, bon, draf dan surat kredit;

“lesen” ertinya suatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 7;

“ketua pegawai eksekutif” berhubung dengan seseorang pemegang lesen, ertinya seseorang, tidak kira dengan apa jua namanya disebut, yang, sama ada secara individu atau bersesama dengan seorang yang lain atau lebih, bertanggungjawab, tertakluk kepada kuasa lembaga pengarah pemegang lesen itu, bagi penjalanan perniagaan dan pengurusan pemegang lesen itu;

“komputer” ertinya apa-apa peranti untuk merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau perkara lain, atau untuk melaksanakan mana-mana satu fungsi itu atau lebih, tidak kira dengan nama atau perihalan apa jua peranti itu disebut, dan jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih secara kombinasi atau berturut-turut atau selainnya dengan cara bergabung, komputer-komputer itu hendaklah dikira sebagai suatu komputer tunggal, sama ada komputer-komputer itu berada di dalam premis yang sama atau sebaliknya, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;

“maklumat” termasuklah penjelasan sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank;

“mata wang asing” ertinya mata wang kertas atau syiling yang sah diperlakukan di dalam mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia, dan termasuklah apa-apa hak untuk menerima mata wang asing dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, tetapi tidak termasuk apa-apa mata wang asing sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;

“menentukan” ertinya menentukan secara bertulis, dan kuasa untuk menentukan termasuklah kuasa untuk membuat penentuan yang berlainan bagi orang yang berlainan atau golongan, kategori atau perihalan orang yang berlainan, dan untuk meminda apa-apa penentuan;

“menetapkan” ertinya menetapkan melalui peraturan-peraturan yang disiarkan dalam *Warta*, dan kuasa untuk menetapkan termasuklah kuasa untuk membuat penetapan yang berlainan bagi orang yang berlainan atau bagi golongan, kategori atau perihalan orang yang berlainan;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“output komputer” ertinya sesuatu pernyataan atau gambaran, sama ada dalam bentuk bertulis, bercetak, bergambar, filem, grafik, akustik atau bentuk lain yang—

- (a) dikeluarkan oleh sesuatu komputer;
- (b) ditayangkan pada skrin sesuatu komputer; atau
- (c) diterjemahkan dengan tepat daripada suatu pernyataan atau gambaran yang dikeluarkan sedemikian;

“pejabat” termasuklah tempat utama perniagaan, suatu cawangan, agensi, tempat perniagaan bergerak, tempat perniagaan yang diadakan dan disenggarakan bagi sesuatu tempoh terhad sahaja, dan suatu terminal elektronik atau platform dan mana-mana tempat lain yang darinya, atau di mana, suatu perniagaan perkhidmatan wang sedang atau telah dijalankan;

“pekerja”, berhubung dengan seseorang pemegang lesen, mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] dan termasuklah ketua pegawai eksekutif dan pengurus;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah Akta ini;

“pemegangan syer substansial” dan “pemegang syer substansial” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam seksyen 69D Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

“pengarah” termasuklah mana-mana orang yang menjawat jawatan seorang pengarah, tidak kira dengan apa jua namanya disebut, dan, khususnya, tanpa menjelaskan yang disebut dahulu, dalam hal—

- (a) suatu perbadanan, mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam seksyen 4 Akta Syarikat 1965;

- (b) suatu badan berkanun, ertiinya seorang anggota lembaga, jawatankuasa, majlis atau badan pengelola lain, walau apa jua namanya disebut, bagi badan berkanun itu;
- (c) suatu perkongsian, ertiinya seorang pekongsi;
- (d) suatu ketuanpunyaan tunggal, ertiinya tuan punya tunggal itu; dan
- (e) mana-mana badan, persatuan atau kumpulan orang lain, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, ertiinya mana-mana orang yang mengarah dan mengawal pengurusan hal ehwalnya atau perniagaannya;

“pengawal”, berhubung dengan seseorang pemegang lesen, ertiinya seseorang yang, sama ada berseorangan atau dengan mana-mana sekutu—

- (a) mempunyai kepentingan dalam lebih daripada lima puluh peratus daripada syer pemegang lesen itu;
- (b) mempunyai kepentingan dalam satu per tiga atau lebih syer mengundinya;
- (c) mempunyai kuasa untuk melantik atau menyebabkan supaya dilantik sebilangan besar dari pengarah pemegang lesen itu;
- (d) mempunyai kuasa untuk membuat atau menyebabkan supaya dibuat, keputusan berkenaan dengan penjalanan perniagaan atau pengurusan pemegang lesen itu dan untuk melaksanakan keputusan itu atau menyebabkan keputusan itu dilaksanakan; atau
- (e) ialah ketua pegawai eksekutif pemegang lesen itu atau suatu pertubuhan perbadanan yang subsidiarinya ialah seorang pemegang lesen,

dan perkataan “kawal” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“pengurus”, berhubung dengan seseorang pemegang lesen, ertiinya seorang pegawai pemegang lesen itu tidak kira dengan apa jua namanya disebut, yang bertanggungjawab bagi suatu pejabat pemegang lesen itu, atau bagi suatu jabatan atau suatu bahagian bagi pemegang lesen itu;

“peniaga yang diberi kuasa”, berhubung dengan mata wang asing, ertinya seseorang yang pada masa ini diberi kuasa melalui suatu perintah oleh Pengawal Pertukaran Wang Asing di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [Akta 17] untuk bertindak bagi maksud Akta itu sebagai peniaga yang diberi kuasa;

“perniagaan mata wang borong” ertinya perniagaan—

- (a) membeli atau menjual mata wang asing dengan seseorang peniaga yang diberi kuasa, seseorang pemegang lesen atau mana-mana orang di luar Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) mengimport mata wang kertas asing daripada, atau mengeksport mata wang kertas asing kepada, mana-mana orang di luar Malaysia; dan
- (c) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;

“perniagaan pengiriman wang” ertinya perniagaan memindahkan dana atau yang memudahkan pemindahan dana, sama ada dalam apa-apa bentuk atau melalui apa-apa cara atau sama ada terdapat apa-apa perpindahan dana atau tidak, bagi pihak seseorang pengirim asal di dalam atau di luar Malaysia, dengan tujuan untuk menjadikan dana itu tersedia bagi seseorang benefisiari di dalam atau di luar Malaysia dan pengirim asal dan benefisiari itu boleh orang yang sama, tetapi tidak termasuk apa-apa perniagaan, aktiviti, sistem atau perkiraan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;

“perniagaan pengurusan wang” ertinya mana-mana atau semua perniagaan yang berikut:

- (a) perniagaan untuk membuat suatu urus niaga tukaran mata wang pada suatu kadar tukaran;
- (b) perniagaan membeli atau menjual cek kembara, bagi pihak seseorang pengeluar cek kembara, pada suatu kadar tukaran; atau
- (c) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;

“perniagaan perkhidmatan wang” ertinya mana-mana atau semua perniagaan yang berikut:

- (a) perniagaan pengurusan wang;
- (b) perniagaan pengiriman wang;
- (c) perniagaan mata wang borong;

“premis” termasuklah—

- (a) sesuatu struktur, sama ada boleh alih atau tidak atau di luar pesisir atau tidak, fizikal atau sebaliknya, bangunan, khemah, kenderaan, kenderaan air, hoverkraf atau pesawat udara;
- (b) sesuatu tempat, sama ada tertutup atau tidak atau dibangunkan di atasnya atau tidak; dan
- (c) sebahagian daripada mana-mana premis, termasuk premis daripada jenis yang disebut dalam perenggan (a) atau (b);

“program” ertinya data yang menggambarkan arahan atau pernyataan yang, apabila dilaksanakan dalam sesuatu komputer, menyebabkan komputer itu menjalankan sesuatu fungsi, yang termasuklah logik, kawalan, aritmetik, pemadaman, penyimpanan, dan pemerolehan, dan komunikasi atau telekomunikasi kepada, daripada atau dalam sesuatu komputer;

“ringgit” ertinya mata wang kertas atau syiling yang sah diperlakukan di Malaysia dan termasuklah apa-apa hak untuk menerima ringgit dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;

“syarikat” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam seksyen 4 Akta Syarikat 1965;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Akta ini mula berkuat kuasa;

“urus niaga tukaran mata wang” ertinya suatu pertukaran satu mata wang asing dengan ringgit atau dengan mata wang asing yang lain.

Fungsi, kuasa dan kewajipan Bank

3. (1) Bank hendaklah mempunyai segala fungsi dan kuasa yang diberikan kepadanya, dan kewajipan yang dikenakan ke atasnya oleh Akta ini, dan fungsi, kuasa dan kewajipan itu ialah tambahan kepada fungsi, kuasa dan kewajipan yang telah diberikan atau dikenakan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701].

(2) Bagi maksud Akta ini, Gabenor hendaklah melaksanakan fungsi Bank bagi pihaknya.

(3) Bank boleh memberi kuasa seseorang pekerja atau seseorang pegawai Bank atau mana-mana orang lain untuk melaksanakan mana-mana atau kesemua fungsi, menjalankan mana-mana kuasa atau menunaikan mana-mana kewajipan Bank di bawah Akta ini.

BAHAGIAN II

PELESENAN

Larangan menjalankan perniagaan perkhidmatan wang

4. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan perkhidmatan wang tanpa suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi ejen perniagaan perkhidmatan wang.

(3) Bank boleh menetapkan golongan, kategori atau perihalan lesen yang berlainan berkenaan dengan perniagaan perkhidmatan wang.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Permohonan bagi lesen

5. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan wang hendaklah dibuat secara bertulis kepada Bank oleh seseorang pemohon—

(a) mengikut apa-apa bentuk dan cara berserta dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Bank; dan

- (b) dengan mengemukakan apa-apa maklumat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.
- (2) Tiada seorang pun boleh memohon bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan wang melainkan orang itu suatu syarikat.
- (3) Bank boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemohon itu atau mana-mana orang yang ialah atau akan menjadi seorang pengarah, pengawal atau ketua pegawai eksekutif pemohon itu supaya memberikan maklumat atau dokumen tambahan.
- (4) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak diberikan oleh pemohon itu atau pengarahnnya, pengawalnya atau ketua pegawai eksekutifnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam tempoh masa yang ditentukan dalam notis bertulis itu atau atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Bank, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidak boleh diteruskan lagi, tetapi tanpa menjelaskan hak pemohon itu untuk membuat suatu permohonan baru.

Kehendak bagi lesen

- 6.** (1) Seseorang pemohon bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan wang hendaklah mematuhi kehendak yang berikut:
- (a) tiap-tiap orang yang ialah, atau akan menjadi, pemegang syer substansial, pengarah, pengawal, ketua pegawai eksekutif, atau pengurus pemohon itu, telah memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;
- (b) pemohon itu mempunyai perancangan perniagaan yang kukuh;
- (c) pemohon itu mempunyai perkiraan tadbir urus, mekanisme kawalan dalaman dan tatacara yang wajar, kukuh dan mencukupi untuk menguruskan operasi aktiviti perniagaan perkhidmatan wang yang dicadangkan;
- (d) pemohon itu mempunyai mekanisme kawalan dalaman dan program pematuhan yang wajar, kukuh dan mencukupi untuk mematuhi kehendak Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan

2001 [Akta 613] dan kewajipan statutori yang lain yang pemohon itu tertakluk atau akan menjadi tertakluk kepadanya;

- (e) pemohon itu mempunyai keupayaan kewangan untuk memenuhi kehendak modal sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;
- (f) maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh pemohon itu adalah benar dan tepat; dan
- (g) pemohon itu telah memenuhi kehendak lain yang perlu untuk menguruskan operasi perniagaan perkhidmatan wang sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(2) Bank hendaklah mempunyai budi bicara penuh untuk menentukan sama ada seseorang pemohon telah mematuhi kehendak di bawah subseksyen (1).

(3) Apabila mempertimbangkan sesuatu permohonan bagi suatu lesen di bawah seksyen 5, Bank hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang berikut:

- (a) apa-apa perkara yang berhubungan dengan mana-mana orang yang diambil kerja atau akan diambil kerja oleh, atau yang bersekutu atau akan bersekutu dengan, pemohon itu bagi maksud perniagaan perkhidmatan wang pemohon itu;
- (b) apa-apa perkara yang berhubungan dengan mana-mana perbadanan berkaitan atau perbadanan bersekutu atau mana-mana pemegang syer substansial, pengarah, pengawal atau ketua pegawai eksekutif pemohon itu;
- (c) apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pemohon itu yang berada dalam milikan Bank sama ada yang telah diberikan oleh pemohon itu atau tidak; dan
- (d) sama ada pemberian lesen itu bermanfaat bagi kepentingan nasional dan ekonomi Malaysia.

Pemberian atau keengganan memberikan lesen

7. (1) Bank boleh, selepas mempertimbangkan permohonan bagi suatu lesen di bawah seksyen 5 dan setelah berpuas hati bahawa kesemua kehendak di bawah subseksyen 6(1) telah dipatuhi dan kesemua perkara di bawah subseksyen 6(3) telah diambil kira, memberikan suatu lesen atau enggan memberikan suatu lesen.

(2) Bank boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya sesuai dalam memberikan sesuatu lesen.

(3) Tempoh sesuatu lesen hendaklah bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(4) Seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Fi

8. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah membayar kepada Bank—

(a) suatu fi tahunan bagi setiap pejabatnya; dan

(b) apa-apa fi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank berhubung dengan perniagaan perkhidmatan wangnya,

dalam apa-apa amaun dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(2) Tiada bayaran balik bagi apa-apa fi tahunan atau fi lain yang dibayar di bawah subseksyen (1) akan dibuat oleh Bank kepada mana-mana orang sekiranya sesuatu lesen dibatalkan, atau tidak dibaharui oleh Bank, atau diserahkan balik kepada Bank, sebelum habis tempoh lesen itu.

Pembaharuan lesen

9. (1) Sesuatu permohonan oleh seseorang pemegang lesen untuk membaharui lesennya hendaklah dibuat secara bertulis kepada Bank—

(a) mengikut apa-apa bentuk dan cara berserta dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Bank; dan

(b) dengan mengemukakan apa-apa maklumat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(2) Bank boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemegang lesen itu atau seorang pengarah, pengawal atau ketua pegawai eksekutif pemegang lesen itu supaya memberikan maklumat atau dokumen tambahan.

(3) Bank boleh, setelah mempertimbangkan permohonan bagi pembaharuan lesen itu di bawah subseksyen (1)—

- (a) membaharui lesen itu, dengan atau tanpa syarat; atau
- (b) menolak untuk membaharui lesen itu.

(4) Bank boleh menolak permohonan untuk membaharui suatu lesen yang dibuat di bawah seksyen ini jika—

- (a) permohonan itu diterima oleh Bank selepas habis tempoh lesen itu;
- (b) permohonan itu tidak dibuat mengikut subseksyen (1);
- (c) pemegang lesen itu telah tidak mengemukakan maklumat atau dokumen tambahan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (2);
- (d) pemegang lesen itu tidak mematuhi kehendak Akta ini, atau peraturan-peraturan, garis panduan, pekeliling, piawaian atau notis di bawah Akta ini; atau
- (e) penjalanan perniagaan pemegang lesen itu tidak memuaskan pada pendapat Bank.

(5) Jika seseorang pemegang lesen mengemukakan suatu permohonan untuk membaharui lesennya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1), lesen itu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga suatu keputusan dibuat oleh Bank mengenai permohonan bagi pembaharuan lesen itu.

(6) Jika Bank bercadang untuk menolak pembaharuan lesen itu, Bank hendaklah memberi pemegang lesen itu suatu notis bertulis yang menyatakan alasan bagi penolakan itu dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(7) Pemegang lesen itu hendaklah diberi peluang untuk membuat representasi bertulis kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis di bawah subseksyen (6).

(8) Jika tiada representasi bertulis diterima oleh Bank dalam tempoh yang ditentukan di bawah subseksyen (7), Bank hendaklah menolak permohonan untuk membaharui lesen itu melalui notis bertulis.

(9) Jika representasi bertulis diterima, Bank hendaklah, selepas mempertimbangkan representasi bertulis itu, memberi pemegang lesen itu notis bertulis mengenai keputusannya dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(10) Suatu penolakan untuk membaharui lesen di bawah subseksyen (8) atau (9) tidak boleh berkuat kuasa sehingga habis tempoh lesen itu atau jika lesen itu masih sah menurut subseksyen (5), sehingga habis tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis di bawah subseksyen (8) atau (9), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(11) Seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah perenggan (3)(a) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Syarat lesen

10. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, Bank boleh, pada bila-bila masa—

- (a) meminda atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan di bawah Akta ini; atau
- (b) mengenakan had ke atas apa-apa syarat yang dikenakan di bawah Akta ini supaya syarat itu tamat pada tarikh yang ditentukan.

(2) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, Bank boleh, pada bila-bila masa, mengenakan apa-apa syarat baru ke atas sesuatu lesen.

(3) Seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Mempamerkan lesen

11. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan, pada suatu kedudukan yang ketara—

- (a) lesennya di tempat utama perniagaannya; dan
- (b) satu salinan lesennya di setiap pejabatnya yang lain.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi suatu terminal elektronik.

(3) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Pembatalan lesen

12. (1) Bank boleh membatalkan sesuatu lesen jika ia berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen itu, ketua pegawai eksekutifnya, atau mana-mana pemegang syerinya, pengawalnya, pengarahnya atau pengurusnya, telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996 [Akta 553], Akta Takaful 1984 [Akta 312], Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Sistem Pembayaran 2003 [Akta 627], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618] atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang ditadbirkan oleh Bank atau Akta Syarikat 1965 atau apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan, rasuah atau kesalahan lain yang seumpamanya;
- (b) pengawal pemegang lesen itu telah tidak mematuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai”;
- (c) pemegang lesen itu telah dilikuidasikan atau telah digulungkan atau selainnya dibubarkan;
- (d) pemegang lesen itu sedang melanggar atau telah melanggar seksyen 19, 21, 22, 29, 30, 32, 34, 35, 36, 37, 39, 40 atau 42 atau subseksyen 32(2);
- (e) pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana syarat lesennya;

- (f) pemegang lesen itu telah berhenti daripada menjalankan perniagaan perkhidmatan wang yang baginya ia dilesenkan bagi apa-apa tempoh yang berterusan selama enam bulan, atau bagi apa-apa tempoh yang aggregatnya sembilan bulan dalam tempoh yang berterusan selama dua belas bulan;
- (g) pemegang lesen itu terlibat dalam amalan yang tidak selamat dan tidak wajar;
- (h) pemegang lesen itu sedang melanggar atau telah melanggar peruntukan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001; atau
- (i) pemegang lesen itu telah tidak memastikan bahawa ejen perniagaan perkhidmatan wangnya mematuhi kehendak berhemat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(2) Jika Bank bercadang untuk membatalkan sesuatu lesen, Bank hendaklah memberi pemegang lesen itu notis bertulis yang menyatakan pembatalan yang dicadangkan itu dan alasan bagi pembatalan itu.

(3) Pemegang lesen itu hendaklah diberi peluang untuk membuat representasi bertulis kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis di bawah subseksyen (2).

(4) Jika tiada representasi bertulis diterima oleh Bank dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (3), Bank hendaklah membatalkan lesen itu melalui notis bertulis.

(5) Jika representasi bertulis diterima, Bank hendaklah, setelah mempertimbangkan representasi itu, memberi pemegang lesen itu notis bertulis mengenai keputusannya itu.

(6) Suatu pembatalan di bawah subseksyen (4), atau suatu keputusan untuk membatalkan lesen di bawah subseksyen (5), hendaklah berkuat kuasa serta-merta atau pada apa-apa tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dalam notis bertulisnya.

(7) Jika Bank memutuskan di bawah subseksyen (5) untuk tidak membatalkan lesen itu, Bank boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas pemegang lesen itu sebagaimana yang ditentukannya dalam notis bertulis itu yang diberikan di bawah subseksyen itu.

(8) Kepuasan Bank di bawah perenggan (1)(d), (e), (h) atau (i) bahawa mana-mana peruntukan Akta ini yang diperuntukkan dalam perenggan itu telah dilanggar oleh seseorang pemegang lesen boleh tercapai tanpa mengambil kira sama ada atau tidak apa-apa pendakwaan diambil terhadap mana-mana pemegang lesen bagi pelanggaran itu.

Rayuan terhadap pembatalan lesen

13. (1) Seseorang yang lesennya telah dibatalkan boleh, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis dalam subseksyen 12(4) atau (5) atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Bank, merayu secara bertulis terhadap pembatalan itu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(2) Tiap-tiap rayuan di bawah subseksyen (1) hendaklah dikemukakan kepada Bank dan Bank hendaklah mengemukakan rayuan bertulis itu kepada Menteri berserta dengan syor Bank tentang sama ada rayuan itu patut dibenarkan atau ditolak.

Lesen hendaklah dikemukakan kepada Bank

14. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengemukakan lesen kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari—

- (a) tarikh lesen itu habis tempoh;
- (b) tarikh penolakan untuk membaharui lesen itu berkuat kuasa di bawah subseksyen 9(10); atau
- (c) tarikh pembatalan lesen itu berkuat kuasa di bawah subseksyen 12(6),

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kesan ke atas lesen apabila habis tempoh, tidak dibaharui, dibatalkan atau diserahkan balik

15. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah, dengan serta-merta atau dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan yang oleh Bank, berhenti menjalankan perniagaan perkhidmatan wang yang berkenaan dengannya lesen itu diberikan jika—

- (a) lesen itu telah habis tempoh;
- (b) penolakan untuk membaharui lesen itu telah berkuat kuasa di bawah subseksyen 9(10);
- (c) pembatalan lesen itu telah berkuat kuasa di bawah subseksyen 12(6); atau
- (d) penyerahan balik lesen itu telah berkuat kuasa di bawah seksyen 16.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Seseorang pemegang lesen yang lesenya telah dibatalkan atau tidak dibaharui di bawah Akta ini tidak boleh membuat apa jua tuntutan terhadap Bank atau menjadi berhak kepada pampasan daripada Bank bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialaminya atau berlaku ke atasnya disebabkan oleh pembatalan lesenya atau lesenya tidak dibaharui.

Penyerahan balik lesen

16. (1) Seseorang pemegang lesen yang bercadang untuk menyerahkan balik lesenya hendaklah memberi Bank suatu notis bertulis yang memaklumkan Bank tentang cadangan penyerahan balik lesen itu, sebab bagi penyerahan balik itu dan tarikh penyerahan balik itu akan berkuat kuasa.

(2) Pemegang lesen itu hendaklah mengemukakan lesen itu kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyerahan balik itu akan berkuat kuasa.

Pemeliharaan hak dan tuntutan

17. Apa-apa pembatalan, kehabisan tempoh, ketidakpembaharuan atau penyerahan balik sesuatu lesen di bawah Akta ini tidak boleh berkuat kuasa sehingga—

- (a) menjelaskan mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan yang berhubungan dengan perniagaan perkhidmatan wang, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dibuat oleh—
 - (i) seseorang sebelum lesen itu dibatalkan, habis tempoh, tidak dibaharui atau diserah balik; atau
 - (ii) seseorang pemegang lesen sebelum lesen itu dibatalkan, habis tempoh, tidak dibaharui atau diserah balik,
 mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (b) menjelaskan apa-apa hak, tuntutan, obligasi atau liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan sedemikian.

Kelulusan untuk menukar nama pemegang lesen

18. (1) Tiada seorang pemegang lesen pun boleh membuat apa-apa pertukaran dalam namanya tanpa kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Sekatan ke atas perniagaan

19. (1) Kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Bank, seseorang pemegang lesen tidak boleh menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan selain perniagaan perkhidmatan wang yang baginya ia dilesenkan di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), seseorang pemegang lesen hendaklah hanya menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang yang baginya ia dilesenkan di bawah Akta ini.

(3) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penyiaran senarai pemegang lesen

20. (1) Bank hendaklah menyiarkan dalam *Warta* suatu senarai pemegang lesen tidak lewat daripada 30 April setiap tahun.

(2) Jika terdapat apa-apa pindaan kepada senarai pemegang lesen itu di bawah subseksyen (1) pada bila-bila masa dalam lat tempoh antara satu penyiaran dengan penyiaran yang berikutnya di bawah subseksyen (1), Bank hendaklah menyebabkan disiarkan dalam *Warta* suatu notis mengenainya.

(3) Tanpa menjelaskan subseksyen (1), Bank boleh menyiarkan senarai pemegang lesen itu atau apa-apa pindaan kepada senarai itu mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Bank.

BAHAGIAN III**PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG****Pejabat pemegang lesen**

21. (1) Tiada seorang pemegang lesen pun boleh membuka atau menempatkan semula suatu pejabat di dalam Malaysia tanpa kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah memohon secara bertulis bagi kelulusan bertulis daripada Bank di bawah subseksyen (1)—

(a) mengikut apa-apa bentuk dan cara berserta dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Bank; dan

(b) dengan mengemukakan apa-apa maklumat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(3) Bank, dalam memberikan kelulusannya di bawah subseksyen (1), boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) atau tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penyelenggaraan modal

22. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah diselenggarakan, pada setiap masa, dana modal minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Bank.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Bank boleh mengarahkan seseorang pemegang lesen secara bertulis supaya menambahkan dana modal minimum pemegang lesen itu dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank jika Bank berpendapat penambahan itu wajar berdasarkan kepada suatu penilaian keadaan kewangan, penzahiran risiko, mekanisme kawalan dalaman atau proses pengurusan risiko pemegang lesen itu dan pemegang lesen itu hendaklah menyelenggarakan dana modal sedemikian itu pada setiap masa.

(3) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Penggunaan perkataan “perniagaan perkhidmatan wang”, dsb.

23. (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Bank, menggunakan perkataan “perniagaan perkhidmatan wang”, “pengurup wang”, “tukaran mata wang”, “tukaran wang”, “peniaga mata wang asing”, “tukaran mata wang asing”, “*bureau de change*”, “perkhidmatan pengiriman wang”, “pindahan wang”, “kiriman wang”, “pindahan dana”, “peniaga mata wang asing borong” atau apa-apa terbitannya dalam mana-mana bahasa, atau apa-apa perkataan lain dalam mana-mana bahasa yang dapat ditafsirkan sebagai menunjukkan penjalanan perniagaan perkhidmatan wang, berhubungan dengan perniagaannya, atau dalam nama, perihalan atau tajuk yang di bawahnya ia menjalankan perniagaan atau membuat apa-apa pernyataan yang memberikan kesan sedemikian dalam apa-apa kepala bil, surat, notis atau iklan atau dalam apa-apa cara lain.

- (2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang pemegang lesen, seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang, sesuatu persatuan pemegang lesen bagi perniagaan perkhidmatan wang, sesuatu persatuan pekerja pemegang lesen bagi perniagaan perkhidmatan wang dan seseorang peniaga yang diberi kuasa.
- (3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Nama hendaklah dilekatkan di luar pejabat

- 24.** (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah pada setiap masa melekatkan atau mengecat, supaya mudah dilihat dan boleh dibaca, di luar setiap pejabatnya—
- (a) namanya; dan
 - (b) dalam hal seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan perkhidmatan wang, dalam bahasa kebangsaan perkataan “Perniagaan Perkhidmatan Wang Berlesen”; atau
 - (c) dalam hal seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengurusan wang, perniagaan pengiriman wang atau perniagaan mata wang borong sebagai suatu perniagaan tunggal di bawah seksyen 19, dalam bahasa kebangsaan perkataan “Pengurup Wang”, “Pengirim Wang” atau “Peniaga Mata Wang Borong”, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (2) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan namanya dan jenis perniagaannya mengikut subseksyen (1) untuk apa-apa urus niaga yang dijalankan melalui apa-apa kaedah elektronik atau perkhidmatan bergerak.
- (3) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Iklan

- 25.** (1) Tiada seorang pun, selain seorang pemegang lesen atau seorang ejen perniagaan perkhidmatan wang, boleh menerbitkan atau

menyiarkan, atau selainnya memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan atau menyiaran, suatu iklan yang mengandungi—

- (a) suatu pelawaan atau tawaran untuk membuat apa-apa transaksi yang berhubungan dengan perniagaan perkhidmatan wang; atau
- (b) maklumat yang boleh membawa, secara langsung atau tidak langsung, kepada suatu transaksi yang berhubungan dengan perniagaan perkhidmatan wang.

Dengan syarat bahawa larangan dalam subseksyen ini tidak terpakai bagi penyiaran oleh mana-mana orang tentang apa-apa iklan sedemikian untuk atau bagi pihak seseorang pemegang lesen atau seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang.

(2) Tiada seorang pun boleh menerbitkan, menyiaran, atau selainnya memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan atau menyiaran suatu iklan yang berhubungan dengan perniagaan perkhidmatan wang yang diketahuinya adalah mengelirukan, palsu atau memperdayakan dalam sesuatu butir matan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Ketelusan dalam urus niaga

26. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah menzahirkan secukupnya kepada pelanggannya tentang produknya atau perkhidmatannya dan apa-apa maklumat lain yang berhubungan dengan produk atau perkhidmatan itu sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, sebelum apa-apa transaksi perniagaan perkhidmatan wang dilaksanakan dengan pelanggannya.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Pemegang lesen hendaklah mengeluarkan resit

27. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah, setelah menyelesaikan apa-apa transaksi yang berhubungan dengan perniagaan perkhidmatan

wangnya, mengeluarkan suatu resit kepada pelanggannya mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Penyenggaraan rekod oleh pemegang lesen

28. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyenggara kesemua akaun, salinan pendua resit dan rekod lain, termasuk apa-apa maklumat dan dokumen bagi setiap transaksi perniagaan perkhidmatan wangnya, mengikut apa-apa cara yang membolehkan pembentukan semula mana-mana transaksi itu dan untuk memastikan pengauditan mudah akaun, resit dan rekod itu bagi tempoh yang tidak kurang daripada tujuh tahun dari tarikh pelaksanaan, penyelesaian atau penamatkan transaksi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Jualan, pajakan, dsb., perniagaan perkhidmatan wang

29. (1) Tiada seorang pemegang lesen pun boleh, tanpa kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu—

- (a) menjual, melupuskan, memajakkan, menyerahhakkan atau memindahkan hakmilik bagaimana jua cara sekalipun, keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan perkhidmatan wangnya kepada; atau
- (b) menyatukan atau mencantumkan perniagaan perkhidmatan wangnya dengan,

mana-mana orang lain.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Pelantikan pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pengurus

30. (1) Tiada seorang pemegang lesen pun boleh melantik seseorang sebagai seorang pengarah atau ketua pegawai eksekutif melainkan jika orang itu memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dan pemegang lesen itu telah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu bagi cadangan pelantikan itu.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah memohon secara bertulis untuk mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank di bawah subseksyen (1)—

- (a) mengikut apa-apa bentuk dan cara berserta dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Bank; dan
- (b) dengan mengemukakan apa-apa maklumat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(3) Tiada seorang pemegang lesen pun boleh melantik seseorang sebagai seorang pengurus melainkan jika orang itu memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(4) Tiada seorang pun boleh menerima pelantikan sebagai seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pengurus seseorang pemegang lesen jika orang itu tidak memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(5) Bank hendaklah mempunyai budi bicara penuh untuk menentukan sama ada seseorang itu telah memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” di bawah subseksyen (1) dan (3).

(6) Jika seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pengurus tidak memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank semasa tempoh pelantikannya, dia hendaklah dengan serta-merta terhenti memegang jawatan atas sifat sedemikian dan bertindak sebagai yang sedemikian, dan pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta menamatkan pelantikan orang itu atas sifat yang sedemikian.

(7) Seseorang yang telah terhenti memegang jawatan di bawah subseksyen (6) tidak boleh membuat apa jua tuntutan terhadap Bank atau menjadi berhak bagi pampasan daripada Bank bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialaminya atau berlaku ke atasnya disebabkan oleh kehilangan atau penamatkan jawatannya itu.

(8) Semasa belum selesainya apa-apa prosiding jenayah dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang melibatkan fraud, kecurangan, rasuah atau kesalahan lain yang seumpamanya terhadap mana-mana orang yang ialah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pengurus seorang pemegang lesen, orang sedemikian itu tidak boleh bertindak atas sifat sedemikian, memegang mana-mana jawatan lain, atau bertindak atas apa-apa sifat lain, dengan pemegang lesen itu, atau dalam apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, bersangkut paut dengan atau mengambil bahagian atau terlibat dalam, apa jua pun aktiviti, hal ehwal atau perniagaan bagi atau berhubung dengan pemegang lesen itu, kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Bank, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Bank dan syarat itu hendaklah dipatuhi oleh orang itu.

(9) Bagi maksud subseksyen (8), prosiding jenayah yang disebut itu hendaklah disifatkan belum selesai dari tarikh orang dituduh itu mula-mulanya dipertuduh dalam mahkamah bagi kesalahan itu sehingga tarikh keputusan muktamad prosiding itu, sama ada dalam mahkamah berbidang kuasa asal atau, sekiranya ada apa-apa rayuan oleh mana-mana pihak, dalam mahkamah berbidang kuasa rayuan yang akhir.

(10) Seseorang pemegang lesen hendaklah memberitahu Bank secara bertulis hakikat bahawa pengarhnya, ketua pegawai eksekutifnya atau pengurusnya—

- (a) telah terhenti memegang jawatan atas sifat sedemikian; atau
- (b) terlibat dalam prosiding jenayah yang disebut dalam subseksyen (8),

dan sebab baginya dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pemberhentian atau pertuduhan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(11) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (3), (4), (6), (8) atau (10) melakukan suatu kesalahan.

Pelantikan juruaudit

31. (1) Seseorang pemegang lesen, atas perbelanjaannya sendiri, hendaklah melantik pada tiap-tiap tahun seorang juruaudit yang memenuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, bagi menjalankan pengauditan ke atas perniagaan perkhidmatan wangnya.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah memberitahu Bank secara bertulis tentang—

- (a) pelantikan seorang juruaudit di bawah subseksyen (1); dan
- (b) penamatan pelantikan seorang juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1) dan sebab bagi penamatan sedemikian,

dan pemberitahuan itu hendaklah dibuat kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari pelantikan atau penamatan pelantikan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Jika seorang juruaudit yang dilantik oleh seorang pemegang lesen di bawah subseksyen (1) tidak memenuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank di bawah subseksyen itu dalam tempoh pelantikannya, dia hendaklah dengan serta-merta berhenti menjadi juruaudit pemegang lesen itu dan memaklumkan hakikat sedemikian kepada pemegang lesen, dan pemegang lesen yang berkenaan hendaklah dengan serta-merta menamatkan pelantikan juruaudit itu.

(4) Bank boleh menghendaki seseorang juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1)—

- (a) supaya mengemukakan kepada Bank, pada bila-bila masa, apa-apa maklumat yang dikehendaki olehnya berhubung dengan pengauditan yang dijalankan oleh juruaudit itu;
- (b) supaya memperbesar atau memperluas ruang lingkup pengauditannya ke atas perniagaan perkhidmatan wang dan hal ehwal pemegang lesen itu;
- (c) supaya menjalankan pemeriksaan atau mengadakan apa-apa tatacara dalam apa-apa hal tertentu; atau
- (d) supaya mengemukakan suatu laporan kepada Bank tentang apa-apa perkara dalam perenggan (b) dan (c),

dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(5) Bagi maksud perenggan 4(a), maklumat yang dikehendaki berhubung dengan pengauditan boleh termasuk yang berikut:

- (a) penyata kewangan perniagaan perkhidmatan wang;
- (b) jumlah transaksi yang berhubungan dengan perniagaan perkhidmatan wang itu yang bersamaan dengan ringgit;
- (c) suatu laporan tentang sama ada rekod yang sepatutnya bagi transaksi berhubungan dengan perniagaan perkhidmatan wang itu telah disenggarakan; dan
- (d) suatu laporan tentang sama ada pemegang lesen itu telah mematuhi peruntukan Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(6) Jika seorang juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1) dalam melaksanakan tugasnya di bawah seksyen ini mengesyaki atau mengetahui bahawa pemegang lesen itu telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, adalah sah dan menjadi kewajipan bagi juruaudit itu untuk memberikan maklumat tentang suatu kesalahan yang disyaki atau dilakukan itu kepada Bank.

(7) Pemegang lesen itu hendaklah membayar saraan juruaudit berhubung dengan perkhidmatan juruaudit itu di bawah seksyen ini.

(8) Bank, jika difikirkannya bahawa juruaudit yang dilantik oleh pemegang lesen itu tidak menjalankan kewajipannya dengan memuaskan hati Bank, boleh menghendaki pemegang lesen itu supaya melantik seorang juruaudit lain.

(9) Pemegang lesen itu hendaklah mengemukakan suatu salinan laporan audit yang telah ditandatangani oleh juruaudit itu dengan sewajarnya kepada Bank tidak lewat daripada tiga bulan atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, selepas berakhirnya tahun kewangan pemegang lesen itu.

(10) Bagi maksud seksyen ini, “penyata kewangan” termasuklah kunci kira-kira tahunan terkini yang telah diaudit, akaun untung dan rugi, dan penyata yang menyatakan sumber dana, seseorang pemegang lesen.

(11) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1), (2), (3), (7), (8) atau (9) melakukan suatu kesalahan.

(12) Mana-mana juruaudit yang melanggar subseksyen (3), (4) atau (6) melakukan suatu kesalahan.

Pemegang syer pemegang lesen

32. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh membenarkan mana-mana syernya diperoleh oleh mana-mana orang melainkan jika orang itu memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu bagi mana-mana pemegang syer substansial yang baru.

(3) Bank hendaklah mempunyai budi bicara penuh untuk menentukan sama ada seseorang itu telah memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” di bawah subseksyen (1).

(4) Jika seseorang pemegang syer tidak memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank semasa penjalanan perniagaan perkhidmatan wang, pemegang lesen itu hendaklah memaklumkan hakikat sedemikian kepada Bank secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin dan pemegang syer itu hendaklah melupuskan pemegangan syernya dalam pemegang lesen itu dengan seberapa segera yang mungkin.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “pemegang syer” termasuklah mana-mana orang yang bertindak bersama-sama dengan pemegang syer itu; dan

(b) “orang yang bertindak bersama-sama” ertiinya seseorang yang telah membuat suatu perjanjian atau perkiraan untuk—

(i) memperoleh secara bersama-sama atau berasingan kepentingan dalam syer sesuatu perbadanan bagi maksud mendapatkan atau menyatakan kawalan ke atas perbadanan itu; atau

- (ii) bertindak secara bersesama bagi maksud melaksanakan kawalan ke atas sesuatu perbadanan melalui kepentingan dalam syer perbadanan itu yang telahpun dipegang oleh mereka secara bersesama atau berasingan,

dan tanpa menjaskan keluasan perenggan ini, orang yang berikut hendaklah dianggap sebagai orang yang bertindak bersama-sama melainkan jika yang sebaliknya dibuktikan:

- (A) sesuatu perbadanan dan perbadanan berkaitannya dan sekutunya;
- (B) sesuatu perbadanan dan mana-mana pengarahnnya, atau ibu atau bapa, anak, abang atau adik lelaki ataupun kakak atau adik perempuan mana-mana pengarahnnya, atau suami atau isteri kepada mana-mana pengarah itu atau mana-mana saudara yang sedemikian, bagi mana-mana amanah berkaitan;
- (C) sesuatu perbadanan dan apa-apa kumpulan wang penceh yang ditubuhkan olehnya;
- (D) seseorang dan mana-mana syarikat pelaburan, unit amanah atau kumpulan wang lain yang pelaburannya diuruskan oleh orang itu berdasarkan budi bicara; atau
- (E) seseorang penasihat kewangan dan kliennya yang merupakan suatu perbadanan, yang penasihat kewangan itu menguruskan wang kliennya berdasarkan budi bicara dan mempunyai sepuluh peratus atau lebih kepentingan dalam syer klien itu.

- (6) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (4) melakukan suatu kesalahan.

Membuat perubahan dalam struktur pemegangan syer

- 33.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang pemegang lesen hendaklah memberitahu Bank secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam pemegang syernya dan struktur pemegangan syernya tidak lewat daripada empat belas hari selepas perubahan itu berkuat kuasa.

(2) Seseorang pemegang lesen tidak boleh membuat sesuatu perubahan dalam pemegang syeranya dan struktur pemegangan syeranya jika perubahan itu akan mengakibatkan perubahan dalam kawalan perniagaan perkhidmatan wangnya tanpa mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

(3) Bank boleh, pada bila-bila masa selepas menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (2), menghendaki pemegang lesen itu supaya mengemukakan maklumat atau dokumen tambahan sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank.

(4) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Pengemukaan maklumat atau dokumen

34. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada Bank, atau kepada mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Bank secara bertulis, apa-apa penyata, dokumen atau maklumat, dan dalam apa-apa tempoh, sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Bank boleh menghendaki mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(3) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) atau mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa kehendak yang ditentukan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Pengemukaan maklumat palsu

35. Mana-mana orang yang—

(a) mengelak daripada peruntukan Akta ini, dengan mengubah, memalsukan, memusnahkan, mencacatkan, merosakkan, menyembunyikan, mengalihkan atau dengan tidak mengemukakan, apa-apa dokumen; atau

(b) memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki di bawah mana-mana peruntukan Akta ini yang adalah palsu, tidak tepat, mengelirukan atau mengandungi suatu kesilapan atau peninggalan yang matan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Perkiraan operasi dan tadbir urus

36. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengadakan dan menyenggara—

- (a) mekanisme kawalan dalaman, yang termasuklah perkiraan pengurusan risiko, tatacara perakaunan dan langkah keselamatan, untuk memastikan keselamatan dan integriti perniagaan perkhidmatan wangnya;
- (b) perkiraan tadbir urus yang berkesan, dapat dipertanggungjawabkan dan telus untuk memastikan integriti berterusan pengendalian perniagaan perkhidmatan wangnya; dan
- (c) tatacara yang mencukupi untuk memastikan pematuhan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan undang-undang bertulis yang lain,

sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IV**PERNIAGAAN PENGIRIMAN WANG****Dana pelanggan hendaklah disimpan berasingan**

37. (1) Seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengiriman wang hendaklah menyenggarakan suatu akaun tentuan di sesuatu bank berlesen bagi maksud perniagaan pengiriman wang dengan pelanggannya.

(2) Seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengiriman wang hendaklah mendepositkan kesemua wang yang diterima daripada pelanggannya bagi maksud pengiriman wang

itu ke dalam akaun yang disebut dalam subseksyen (1) dan deposit itu hendaklah dibuat tidak lewat daripada hari perniagaan berikutnya selepas hari perniagaan yang dana itu telah diterima oleh pemegang lesen itu.

(3) Seseorang pemegang lesen tidak boleh mengeluarkan atau menggunakan dana daripada akaun yang disenggarakan di bawah subseksyen (1) kecuali —

- (a) wang yang telah dibayar ke dalam akaun itu oleh pemegang lesen itu bagi maksud pembukaan atau penyenggaran akaun itu;
- (b) wang yang sewajarnya dikehendaki bagi membuat pengiriman wang kepada atau bagi pihak seseorang pelanggan;
- (c) wang yang sewajarnya dikehendaki bagi pembayaran fi atau caj kepada seseorang pemegang lesen bagi perkhidmatan pengiriman wang yang diberikan kepada seseorang pelanggan dan pelanggan itu telah diberitahu bahawa apa-apa dana yang dipegang olehnya itu akan digunakan untuk atau melunaskan fi dan caj sedemikian;
- (d) bagi peruntukan bayaran balik kepada pelanggan perniagaan pengiriman wang pemegang lesen itu; atau
- (e) apa-apa faedah yang terakru, jika ada.

(4) Tiada wang pun boleh dibayar ke dalam sesuatu akaun tentuan seseorang pemegang lesen yang disenggarakan di bawah subseksyen (1) kecuali —

- (a) wang yang telah dibayar oleh seorang pemegang lesen itu ke dalam suatu akaun sedemikian bagi maksud pembukaan atau penyenggaraan akaun itu; atau
- (b) wang yang dikehendaki oleh subseksyen (2) supaya dibayar ke dalam akaun sedemikian.

(5) Menjadi kewajipan seseorang pemegang lesen untuk mengeluarkan apa-apa dana yang didepositkan secara salah ke dalam akaun tentuannya yang disenggarakan di bawah subseksyen (1) dengan melanggar subseksyen (4) dengan serta-merta selepas menyedari kesilapan itu.

(6) Wang di dalam sesuatu akaun yang disenggarakan di bawah subseksyen (1) tidak boleh ditahan, disekuesterkan atau dilevikan ke atas atau bagi atau berkenaan dengan apa-apa hutang seseorang pemegang lesen atau apa-apa jua tuntutan terhadap seseorang pemegang lesen.

(7) Jika seseorang pemegang lesen itu diisyiharkan tidak solven atau digulungkan oleh suatu perintah mahkamah, wang di dalam akaun yang disenggarakan di bawah subseksyen (1) tidak boleh disifatkan menjadi sebahagian daripada harta pemegang lesen itu.

(8) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1), (2), (3), (4), (5) atau (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Perakuan penutupan

38. (1) Seseorang yang telah berhenti menjalankan perniagaan pengiriman wang berikutan daripada lesennya habis tempoh, tidak dibaharui, dibatalkan atau diserah balik di bawah Akta ini hendaklah mengemukakan suatu perakuan penutupan, yang dikeluarkan oleh seorang juruaudit, kepada Bank dalam tempoh enam puluh hari selepas perniagaan itu diberhentikan.

(2) Juruaudit yang disebut dalam subseksyen (1) boleh seorang juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen 31(1) atau mana-mana juruaudit lain yang dilantik oleh seseorang pemegang lesen yang memenuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank di bawah subseksyen itu.

(3) Perakuan penutupan yang dikeluarkan oleh juruaudit itu di bawah subseksyen (1) hendaklah mengesahkan bahawa seseorang yang telah berhenti menjalankan perniagaan pengiriman wang di bawah subseksyen (1) telah berjaya mengirimkan kesemua dana yang diterima daripada pelanggan sebelum pemberhentian perniagaan seseorang pemegang lesen kepada benefisari yang diniatkan dan bahawa perkiraan atau langkah-langkah luar jangka telah diambil untuk memastikan bahawa jika dana itu tidak berjaya untuk diserahkan, dana itu telahpun dibayar balik kepada pelanggan itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kehendak operasi

39. (1) Seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengiriman wang hendaklah mematuhi—

- (a) had maksimum transaksi pengiriman wang itu;
- (b) jangka masa bagi arahan pengiriman wang keluaran bagi pembayaran dana untuk disampaikan kepada ejen korespondennya;
- (c) jangka masa bagi dana pengiriman wang dalaman untuk dijadikan tersedia bagi pungutan atau diserahkan kepada benefisiari itu; dan
- (d) apa-apa kehendak lain,

sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Penggunaan sistem pengiriman wang oleh pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengiriman wang

40. (1) Tiada seorang pemegang lesen pun yang menjalankan perniagaan pengiriman wang boleh menggunakan sesuatu sistem pengiriman wang, sama ada sistemnya sendiri atau suatu sistem seorang pihak ketiga, tanpa mendapatkan kelulusan bertulis dari pada Bank terlebih dahulu.

(2) Sistem pengiriman wang di bawah subseksyen (1) hendaklah memenuhi kehendak minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(3) Bank, dalam memberikan kelulusannya di bawah subseksyen (1), boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dan syarat itu hendaklah dipatuhi oleh pemegang lesen itu.

(4) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan.

Pembatalan kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 40(1)

41. (1) Bank boleh membatalkan sesuatu kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 40(1) kepada seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengiriman wang.

(2) Jika Bank bercadang untuk membatalkan kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 40(1), Bank hendaklah memberi pemegang lesen itu suatu notis bertulis yang menyatakan pembatalan yang dicadangkan itu dan alasan pembatalan itu.

(3) Pemegang lesen itu hendaklah diberi peluang untuk membuat representasi bertulis kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis itu.

(4) Jika tiada representasi bertulis diterima oleh Bank dalam tempoh yang ditentukan di bawah subseksyen (3), Bank hendaklah membatalkan kelulusan itu melalui notis bertulis.

(5) Jika representasi bertulis diterima, Bank, setelah mempertimbangkan representasi itu, hendaklah memberi pemegang lesen itu suatu notis bertulis tentang keputusannya.

(6) Suatu pembatalan di bawah subseksyen (4), atau suatu keputusan untuk membatalkan suatu kelulusan di bawah subseksyen (5), tidak boleh berkuat kuasa sehingga habis tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis di bawah subseksyen (4) atau (5) atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Jika Bank membuat keputusan di bawah subseksyen (5) untuk tidak membatalkan kelulusan itu, ia boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas pemegang lesen itu sebagaimana yang ditentukannya dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subseksyen itu.

(8) Seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (7) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN V**EJEN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG****Pelantikan ejen perniagaan perkhidmatan wang**

42. (1) Tiada seorang pemegang lesen pun boleh melantik seorang ejen perniagaan perkhidmatan wang untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan wang bagi pihaknya melainkan jika ejen perniagaan perkhidmatan wang itu memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dan pemegang lesen itu telah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu bagi cadangan pelantikan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Bank boleh menetapkan golongan, kategori atau perihalan pemegang lesen yang layak untuk memohon untuk melantik seorang ejen perniagaan perkhidmatan wang.

(3) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Permohonan dan pemberian kelulusan

43. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah memohon secara bertulis bagi mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank di bawah seksyen 42 untuk melantik seorang ejen perniagaan perkhidmatan wang—

- (a) mengikut apa-apa bentuk dan cara dan berserta dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Bank; dan
- (b) dengan mengemukakan apa-apa maklumat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(2) Bank boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemegang lesen itu untuk mengemukakan maklumat atau dokumen tambahan.

(3) Tanpa menjelaskan subseksyen (2), Bank boleh mengambil kira apa-apa maklumat dalam milikannya sama ada diberikan oleh pemegang lesen itu atau tidak.

(4) Bank boleh memberikan kelulusan kepada seorang pemegang lesen untuk melantik ejen perniagaan perkhidmatan wangnya, dengan atau tanpa syarat, atau enggan untuk memberikan suatu kelulusan.

(5) Seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (4) melakukan kesalahan.

Daftar ejen perniagaan perkhidmatan wang

44. (1) Bank hendaklah menyenggarakan suatu daftar ejen perniagaan perkhidmatan wang yang diluluskan pelantikannya di bawah subseksyen 43(4) mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Bank.

(2) Mana-mana orang boleh, dengan pembayaran suatu fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, memeriksa daftar ejen perniagaan perkhidmatan wang yang disenggarakan di bawah subseksyen (1) dalam waktu pejabat Bank.

(3) Suatu salinan atau suatu cabutan daripada daftar ejen perniagaan perkhidmatan wang yang disenggarakan di bawah subseksyen (1) yang diperakui sebagai salinan benar atau cabutan di bawah tandatangan dan meterai Bank hendaklah, dalam apa-apa prosiding, boleh diterima sebagai keterangan yang mempunyai kesahan setanding dengan dokumen asal itu.

Larangan menjalankan perniagaan perkhidmatan wang bagi pihak pemegang lesen

45. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan perkhidmatan wang bagi pihak seseorang pemegang lesen melainkan jika orang itu ialah—

- (a) suatu syarikat;
- (b) dilantik oleh seseorang pemegang lesen di bawah seksyen 43; dan
- (c) didaftarkan dengan sewajarnya oleh Bank sebagai ejen perniagaan perkhidmatan wang di bawah seksyen 44.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak

melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Ejen perniagaan perkhidmatan wang hendaklah mematuhi peruntukan Akta, dsb.

46. (1) Seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang hendaklah mematuhi peruntukan Akta ini dan mana-mana kehendak lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

(2) Seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang, pemegang lesen bagi ejen itu juga melakukan suatu kesalahan itu melainkan jika pemegang lesen itu membuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa dengan mengambil kira semua hal keadaan pemegang lesen itu telah mengambil segala cara dan langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah perbuatan atau peninggalan sedemikian.

Pembatalan kelulusan pelantikan ejen perniagaan perkhidmatan wang

47. (1) Bank boleh membatalkan kelulusan bertulis yang diberikan di bawah subseksyen 43(4) bagi pelantikan seorang ejen perniagaan perkhidmatan wang jika Bank berpuas hati bahawa—

- (a) ejen perniagaan perkhidmatan wang itu tidak memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank pada bila-bila masa dalam tempoh pelantikan ejen itu;
- (b) ejen perniagaan perkhidmatan wang itu sedang melanggar atau telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kehendak lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank di bawah subseksyen 46(1);
- (c) pelantikan ejen perniagaan perkhidmatan wang itu telah ditamatkan oleh seorang pemegang lesen; atau
- (d) ejen perniagaan perkhidmatan wang itu telah terlibat dalam amalan tidak selamat dan tidak wajar dalam menjalankan perniagaan perkhidmatan wangnya.

(2) Jika Bank bercadang untuk membatalkan kelulusan bertulis di bawah subseksyen (1), Bank hendaklah memberi pemegang lesen itu notis bertulis yang menyatakan cadangan pembatalan itu dan alasan bagi pembatalan itu.

(3) Pemegang lesen itu hendaklah diberi peluang untuk membuat representasi bertulis kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis itu di bawah subseksyen (2).

(4) Jika tiada representasi bertulis diterima oleh Bank dalam tempoh yang ditentukan di bawah subseksyen (3), Bank hendaklah membatalkan kelulusan bertulis itu melalui notis bertulis.

(5) Jika suatu representasi bertulis diterima, Bank hendaklah, setelah mempertimbangkan representasi itu, memberi pemegang lesen itu suatu notis bertulis tentang keputusannya.

(6) Suatu pembatalan di bawah subseksyen (4), atau suatu keputusan untuk membatalkan kelulusan bertulis di bawah subseskyen (5), tidak boleh berkuat kuasa sehingga habis tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis di bawah subseksyen (4) atau (5) atau apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Jika Bank membuat keputusan di bawah subseksyen (5) untuk tidak membatalkan kelulusan bertulis, Bank boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas pemegang lesen dan ejen perniagaan perkhidmatan wang itu sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subseksyen itu.

(8) Kepuasan Bank di bawah perenggan (1)(b) bahawa mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kehendak lain telah dilanggar oleh seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang boleh tercapai tanpa mengambil kira sama ada apa-apa pendakwaan diambil atau tidak terhadap mana-mana orang bagi pelanggaran itu.

(9) Bank hendaklah dengan serta-merta mengeluarkan ejen perniagaan perkhidmatan wang itu daripada daftar ejen perniagaan perkhidmatan wang yang disenggarakan oleh Bank di bawah seksyen 44 dari tarikh pembatalan itu berkuat kuasa di bawah subseksyen (6).

(10) Seseorang pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta menamatkan pelantikan ejen perniagaan perkhidmatan wangnya yang kelulusannya telah dibatalkan oleh Bank dan hendaklah mengarahkan ejen perniagaan perkhidmatan wang itu supaya berhenti menjalankan perniagaan perkhidmatan wang bagi pihak pemegang lesen itu dari tarikh pembatalan itu berkuat kuasa di bawah subseksyen (6).

(11) Apa-apa pembatalan kelulusan bertulis yang diberikan kepada seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang di bawah seksyen ini tidak boleh berkuat kuasa sehingga—

- (a) menjelaskan apa-apa perjanjian, transaksi atau perkiraan yang berhubungan dengan perniagaan perkhidmatan wang, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dibuat oleh ejen perniagaan perkhidmatan wang itu sebelum tarikh pembatalan kelulusan itu berkuat kuasa di bawah subseksyen (6); atau
- (b) menjelaskan apa-apa hak, tuntutan, obligasi atau liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan sedemikian.

(12) Kewajipan dan liabiliti seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang berkenaan dengan pelanggannya hendaklah diambil alih oleh pemegang lesen yang melantik ejen itu apabila pembatalan kelulusan ejen itu berkuat kuasa di bawah subseksyen (6).

(13) Seseorang pemegang lesen yang—

- (a) tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (7) melakukan suatu kesalahan; atau
- (b) melanggar subseksyen (10) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(14) Seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang yang kelulusannya telah dibatalkan oleh Bank dan pembatalan itu telah berkuat kuasa di bawah subseksyen (6) tidak boleh membuat apa jua tuntutan terhadap Bank atau berhak kepada apa-apa pampasan daripada Bank bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialaminya atau berlaku ke atasnya disebabkan oleh pembatalan itu.

BAHAGIAN VI**PEMERIKSAAN****Pemeriksaan ke atas pemegang lesen, dsb.**

48. Seseorang pemeriksa yang diberi kuasa secara bertulis oleh Bank hendaklah memeriksa, tanpa apa-apa notis bertulis terlebih dahulu, harta, dokumen, maklumat, sistem pengiriman wang atau transaksi—

- (a) seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wangnya atau mana-mana pejabatnya; atau
- (b) seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang atau mana-mana pejabatnya.

Pemeriksaan ke atas orang tertentu

49. (1) Dalam menjalankan suatu pemeriksaan ke atas mana-mana pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang di bawah seksyen 48, pemeriksa itu boleh memeriksa—

- (a) seorang yang ialah, atau pernah pada bila-bila masa, seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pekerja pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) seorang yang ialah, atau pernah pada bila-bila masa, seorang pengawal atau pemegang syer pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (c) seorang yang ialah, atau pernah pada bila-bila masa, mempunyai urus niaga, transaksi atau perkiraan dengan pemegang lesen itu atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu, atau mengetahui tentang hakikat dan hal keadaan kes itu, termasuklah juruaudit pemegang lesen itu,

dan orang itu hendaklah memberikan apa-apa dokumen atau maklumat dalam apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki oleh pemeriksa itu.

(2) Seseorang juruaudit yang tertakluk kepada suatu pemeriksaan di bawah seksyen ini tidaklah bertanggungan bagi kemungkiran yang berhubungan dengan, atau kewajipan, kerahsiaan kerana memberikan sesuatu dokumen atau maklumat kepada Bank.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Hak bagi akses dan pengemukaan harta, dsb.

50. (1) Bagi maksud sesuatu pemeriksaan di bawah seksyen 48 atau 49, seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang, dan pengaruhnya, ketua pegawai eksekutifnya dan pekerjanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, apabila diperiksa—

- (a) memberikan akses kepada semua harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem termasuklah sistem pengiriman wang, dokumen atau maklumat;
- (b) mengemukakan semua harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat sedemikian; atau
- (c) memberikan kata laluan yang perlu, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan atau apa-apa cara yang lain yang dikehendaki untuk mengakses dan membolehkan pemahaman ke atas mana-mana output komputer,

kepada seseorang pemeriksa bagi maksud pemeriksaan itu dalam apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki oleh pemeriksa itu.

(2) Walau apa pun keluasan subseksyen (1), pemeriksa itu di bawah subseksyen (1) boleh mengambil milikan apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang dia diberi akses kepadanya di bawah subseksyen (1) jika pada pendapatnya—

- (a) ia perlu bagi maksud pemeriksaan, termasuklah membuat salinan atau mengambil cabutan daripadanya,
- (b) ia mungkin diganggu, dimusnahkan, disembunyikan atau dialihkan melainkan jika dia mengambil milikan ke atasnya; atau

- (c) ia mungkin diperlukan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang, sama ada sivil atau jenayah, yang mungkin dimulakan di bawah Akta ini, Akta Bank Negara Malaysia 2009 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
- (3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kehadiran di hadapan pemeriksa

51. (1) Seseorang yang diperiksa di bawah seksyen 48 atau 49 hendaklah hadir di hadapan pemeriksa pada bila-bila masa sebagaimana yang ditentukannya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kerahsiaan laporan pemeriksaan

52. (1) Jika suatu laporan atau mana-mana bahagian daripada laporan itu telah dikeluarkan dalam apa-apa bentuk berkenaan dengan seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang oleh Bank selepas suatu pemeriksaan di bawah seksyen 48 atau 49, laporan itu tidak boleh dizahirkan oleh pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu atau oleh mana-mana pengaruhnya, ketua pegawai eksekutifnya, pekerjanya atau juruauditnya kepada mana-mana orang lain kecuali dalam hal keadaan yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2).

(2) Penzahiran laporan yang disebut dalam subseksyen (1) boleh dibuat—

- (a) oleh pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu kepada mana-mana pengaruhnya, ketua pegawai eksekutifnya, pekerjanya atau juruauditnya semata-mata berhubung dengan pelaksanaan kewajipan oleh orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) oleh pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu, bagi mematuhi suatu perintah mahkamah; atau

- (c) oleh pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu, kepada mana-mana orang lain dengan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu.
- (3) Dalam memberikan sesuatu kelulusan bertulis bagi apa-apa penzahiran di bawah perenggan (2)(c), Bank boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya wajar.
- (4) Obligasi seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, pekerja atau juruaudit yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah berterusan selepas penamatan atau pemberhentikan pelantikannya atau pekerjaannya dengan pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu.
- (5) Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa dokumen atau maklumat yang pada pengetahuannya telah dizahirkan dengan melanggar subseksyen (1) tidak boleh menzahirkan dokumen atau maklumat itu kepada mana-mana orang lain.
- (6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (4) atau (5) atau tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VII

PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Pelantikan pegawai penyiasat

53. Bank boleh melantik mana-mana pegawai atau pekerjanya atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa di bawah subseksyen 3(3) untuk menjadi seorang pegawai penyiasat.

Kuasa pegawai penyiasat

54. (1) Seseorang pegawai penyiasat yang dilantik di bawah seksyen 53 hendaklah mempunyai segala kuasa, fungsi dan kewajipan yang diberikan kepada seorang pegawai penyiasat di bawah Bahagian ini, dan jika pegawai penyiasat itu bukan seorang pegawai atau pekerja Bank, dia hendaklah, berhubung dengan kuasa, fungsi dan kewajipan itu—

- (a) tertakluk kepada, dan

- (b) menikmati hak, keistimewaan, perlindungan, kekebalan dan tanggung rugi sebagaimana yang ditentukan dalam,

peruntukan Akta ini, Akta Bank Negara Malaysia 2009 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang terpakai bagi seseorang pegawai atau pekerja Bank seolah-olah dia ialah seorang pegawai atau pekerja Bank.

(2) Seseorang pegawai penyiasat hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Gabenor, atau mana-mana pegawai lain Bank sebagaimana yang diberi kuasa oleh Gabenor untuk bertindak bagi pihaknya, dan mana-mana pegawai penyiasat lain yang berpangkat lebih tinggi daripadanya, dan hendaklah menjalankan kuasanya, melaksanakan fungsinya, dan menunaikan kewajipannya yang disebut dalam subseksyen (1) dengan mematuhi apa-apa petunjuk, arahan, syarat, sekatan atau batasan sebagaimana yang Gabenor, atau seseorang pegawai Bank yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihaknya, atau seseorang pegawai penyiasat yang berpangkat lebih tinggi, boleh menentukan secara lisan atau bertulis, sama ada secara am atau dalam apa-apa hal atau hal keadaan tertentu.

(3) Gabenor, atau mana-mana pegawai Bank yang diberi kuasa oleh Gabenor untuk bertindak bagi pihaknya, hendaklah mempunyai segala kuasa, fungsi dan kewajipan seorang pegawai penyiasat.

(4) Seseorang pegawai penyiasat yang menjalankan apa-apa pemeriksaan ke atas mana-mana orang di bawah Bahagian ini hendaklah mempunyai kuasa untuk mengendalikan sumpah atau ikrar kepada orang yang sedang diperiksa.

Pengeledahan dan penyitaan dengan waran

55. (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, atas maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa —

- (a) mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau
- (b) terdapat di dalam mana-mana premis keterangan yang perlu bagi menjalankan suatu penyiasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada pegawai penyiasat yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah, pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis itu dan sekiranya perlu dengan kekerasan.

(2) Sesuatu waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberikan kuasa kepada pegawai penyiasat untuk—

- (a) memasuki mana-mana premis dan menggeledah bagi, menyita dan menahan apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat;
- (b) memeriksa, membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang disita dan ditahan;
- (c) mengambil milikan, dan memindahkan dari premis itu, apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang disita dan ditahan;
- (d) memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam, atau di, premis itu, dan bagi maksud pemeriksaan itu, menahan orang itu dan memindahkannya ke mana-mana tempat yang perlu untuk membantu pemeriksaan itu, dan menyita dan menahan apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang dijumpai pada orang itu;
- (e) memecah buka, memeriksa, dan menggeledah, apa-apa artikel, bejana atau bekas; atau
- (f) memberhentikan, menahan atau menggeledah mana-mana kenderaan.

(3) Seseorang pegawai penyiasat yang memeriksa mana-mana orang di bawah perenggan (2)(d) boleh menahan orang itu bagi suatu tempoh sebagaimana yang diperlukan untuk membolehkan pemeriksaan itu dijalankan yang mana tidak boleh dalam apa-apa keadaan melebihi dua puluh empat jam tanpa kebenaran seorang Majistret, dan boleh jika perlu memindahkannya dalam jagaan ke mana-mana tempat lain sebagaimana yang boleh diputuskan oleh Bank untuk memudahkan pemeriksaan itu.

(4) Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang pegawai penyiasat yang sama jantina, dan pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan dengan penuh kesopanan.

(5) Seseorang pegawai penyiasat boleh, dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu untuk berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam premis itu atau mana-mana pagar, kurungan, pintu atau halangan yang lain kepada premis, untuk masuk ke dalamnya;
- (b) memasuki dengan kekerasan premis itu dan tiap-tiap bahagian premis itu;
- (c) memindahkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan, penahanan atau pemindahan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah seksyen ini; dan
- (d) menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis itu sehingga pengeledahan itu selesai.

Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran

56. Jika seseorang pegawai penyiasat berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen 55 penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai penyiasat itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan di dalam, di dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 55 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Kuasa pegawai penyiasat dalam penjalanan penyiasatan

57. Seseorang pegawai penyiasat boleh menyita, mengambil milikan, dan menahan apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang dikemukakan kepadanya dalam penjalanan penyiasatannya.

Akses kepada data, dsb.

58. Seseorang pegawai penyiasat hendaklah bagi maksud seksyen ini diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu atau apa-apa cara lain yang diperlukan—

- (a) bagi mendapatkan akses ke dalam apa-apa program atau data yang disimpan dalam sesuatu komputer; atau
- (b) untuk membolehkan pemahaman apa-apa output komputer dalam sesuatu bentuk yang maklumat itu tersimpan dalam sesuatu output komputer dapat diambil dan yang boleh dilihat dan dibaca.

Waran boleh diterima walaupun cacat

59. Suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu, dan apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang disita di bawah waran itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

Senarai harta, dsb., yang disita

60. (1) Seseorang pegawai penyiasat, dalam penjalanan penyiasatan atau pengeledahannya, hendaklah—

- (a) menyediakan dan menandatangani suatu senarai segala harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang disita; dan
- (b) menyatakan dalam senarai itu lokasi di mana, atau orang yang, harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, dokumen atau maklumat itu dijumpai atau didapati.

(2) Penghuni premis yang dimasuki di bawah subseksyen 55(1) atau seksyen 56 semasa penjalanan penyiasatan, atau mana-mana orang bagi pihak penghuni, atau jika tiada penghuni atau orang bagi pihak penghuni itu, seorang pegawai polis, hendaklah pada

setiap masa dibenarkan untuk hadir sepanjang penggeledahan itu, menandatangani senarai penggeledahan itu atau meletakkan cap ibu jarinya ke atas senarai itu, dan diberikan satu salinan senarai geledah yang telah disiapkan dan ditandatangani di bawah seksyen ini.

(3) Jika penghuni, atau orang yang bertindak bagi pihak penghuni itu, atau pegawai polis di bawah subseksyen (2) enggan untuk menandatangani senarai geledah itu atau meletakkan cap ibu jarinya ke atas senarai itu, pegawai penyiasat itu hendaklah mengendorskan namanya atas senarai geledah itu, hakikat keengganan berbuat demikian dan sebab baginya, jika ada, yang dinyatakan oleh penghuni itu, orang yang bertindak bagi penghuni itu atau pegawai polis itu.

(4) Bagi maksud subseksyen (2) dan (3), “pegawai polis” ertiya seorang pegawai polis yang pangkatnya tidak kurang daripada pangkat inspektor.

Pelepasan harta, dsb., yang disita

61. (1) Seseorang pegawai penyiasat, melainkan diperintahkan selainnya oleh mana-mana mahkamah, hendaklah—

- (a) pada penutupan penyiasatan atau apa-apa prosiding yang berbangkit daripadanya; atau
- (b) dengan terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada mana-mana pegawai Bank yang diberikan kuasa oleh Gabenor untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud ini, atau mana-mana pegawai penyiasat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya, pada bila-bila masa sebelum penutupan penyiasatan,

melepaskan apa-apaharta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang disita, ditahan atau dialih olehnya, atau oleh mana-mana pegawai penyiasat lain di bawah Bahagian ini, kepada orang yang harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat itu disita, ditahan atau dialih, jika dia berpuas hati bahawa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat itu tidak diperlukan bagi maksud apa-apapendakwaan atau prosiding di bawah Akta ini, atau bagi maksud apa-apapendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(2) Pegawai penyiasat yang menyebabkan apa-apa pelepasan di bawah subseksyen (1) hendaklah merekodkan secara bertulis hal keadaan, dan sebab bagi, pelepasan sedemikian.

(3) Jika seorang pegawai penyiasat tidak dapat menentukan orang di bawah subseksyen (1) yang harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat itu disita, ditahan atau dialih, dia hendaklah membuat suatu permohonan secara bertulis kepada mahkamah tentang pelupusan harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat itu.

(4) Mahkamah apabila menerima permohonan di bawah subseksyen (3) dan setelah berpuas hati bahawa orang di bawah subseksyen (1) yang harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang disita, ditahan atau dialih itu tidak dapat dikesan hendaklah memerintahkan harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat itu dilucut hak atau dilupuskan oleh Bank.

Halangan terhadap penjalanan kuasa pegawai penyiasat

62. Mana-mana orang yang—

- (a) enggan memberikan mana-mana pegawai penyiasat yang menjalankan kuasanya di bawah Bahagian ini akses ke mana-mana premis atau bahagian premis itu, atau enggan membenarkan dirinya diperiksa;
- (b) menyerang, menghalang, menggalang atau melengah-lengahkan seseorang pegawai penyiasat untuk masuk sedangkan dia berhak masuk;
- (c) tidak mematuhi apa-apa tuntutan yang sah daripada seseorang pegawai penyiasat yang melaksanakan kewajipannya di bawah Bahagian ini;
- (d) tidak memberikan kepada seseorang pegawai penyiasat apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang berkuasa diberikan olehnya;

- (e) tidak mengemukakan kepada, atau menyembunyikan atau cuba menyembunyikan daripada, seseorang pegawai penyiasat apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang dikehendaki oleh pegawai penyiasat itu;
- (f) menyelamatkan atau berusaha menyelamatkan apa-apa benda yang telah disita, ditahan atau dipindahkan;
- (g) memberikan kepada seseorang pegawai penyiasat dengan mengatakan sebagai benar maklumat yang dia tahu, atau mempunyai sebab bagi mempercayai adalah palsu; atau
- (h) sebelum atau selepas apa-apa penggeledahan atau penyitaan, menyembunyikan, menyorokkan, mengubah pinda, melupus, memecah atau selainnya memusnahkan apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat untuk mengelakkannya daripada disita atau memberikan perlindungan ke atas harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kehendak supaya menyediakan terjemahan

63. (1) Jika seseorang pegawai penyiasat menjumpai, menyita, menahan atau mengambil milik, sesuatu dokumen yang, keseluruhan atau sebahagiannya, adalah dalam suatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, atau dalam apa-apa isyarat atau kod, maka pegawai penyiasat itu boleh, secara lisan atau bertulis, menghendaki orang yang mempunyai milikan, jagaan atau kawalan ke atas dokumen itu, supaya memberikan kepada pegawai penyiasat itu suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris dalam apa-apa tempoh yang ditentukannya.

(2) Jika orang yang dikehendaki untuk memberikan suatu terjemahan di bawah subseksyen (1) bukannya orang yang disiasat, Bank boleh membayar kepadanya suatu fi yang munasabah bagi terjemahan itu.

- (3) Tiada seorang pun boleh dengan pengetahuannya memberikan suatu terjemahan di bawah subseksyen (1) yang bukannya suatu terjemahan yang tepat, jujur dan benar, atau yang diketahuinya membuat suatu terjemahan di bawah subseksyen itu yang tidak tepat, jujur dan benar.
- (4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan.

Notis panggilan pemeriksaan

64. (1) Bagi maksud suatu pemeriksaan di bawah Bahagian ini, apa-apa notis yang diberikan hendaklah, jika boleh dilaksanakan, disampaikan secara kediri kepada orang yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Dalam hal suatu perbadanan, notis itu boleh disampaikan kepada setiausaha atau pegawai lain perbadanan yang seumpama itu atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan hal ehwal perbadanan itu.

(3) Jika orang yang dinyatakan dalam notis yang diberikan di bawah seksyen ini tidak boleh dijumpai setelah usaha wajar dibuat, notis itu boleh disampaikan—

- (a) dalam hal seorang individu, di alamat kediamannya dengan meninggalkan satu salinan notis untuk orang itu kepada anggota keluarganya yang dewasa, atau dengan orang gajinya yang tinggal bersama dengannya atau dengan mana-mana orang dewasa lain yang menghuni premis itu bersama-sama;
- (b) dalam hal suatu entiti termasuklah seorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang, di alamat berdaftarnya atau alamat perniagaannya, dengan meninggalkan satu salinan notis itu dengan seorang pekerja entiti itu atau melekatkan notis itu di beberapa bahagian penting premis entiti itu.

(4) Jika orang yang dinyatakan dalam mana-mana notis yang diberikan di bawah Akta ini tidak boleh dijumpai walaupun usaha wajar dijalankan, dan penyampaian tidak boleh dibuat sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (3), satu salinan notis itu hendaklah dilekatkan di beberapa bahagian penting premis itu

atau mana-mana tempat lain yang orang yang dinyatakan dalam notis itu pada lazimnya tinggal, dan dalam hal sedemikian notis itu hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan.

(5) Jika selepas suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini, pegawai penyiasat mendapati bahawa terdapat keterangan yang mencukupi atau alasan munasabah untuk mengesyaki bagi membenarkan pemulaan atau penerusan mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang, pegawai penyiasat itu hendaklah menghendaki seseorang pengadu, jika ada, dan seramai orang yang boleh yang pegawai penyiasat itu berpendapat mengetahui hal keadaan kes itu sebagaimana yang difikirkannya perlu, untuk melaksanakan satu jaminan untuk hadir ke hadapan mahkamah yang dinamakan dalam notis itu.

(6) Jika mana-mana pengadu atau orang yang disebutkan dalam subseksyen (5) enggan untuk melaksanakan suatu jaminan di bawah subseksyen itu, pegawai penyiasat itu hendaklah melaporkan keengganan sedemikian kepada mahkamah yang boleh dengan sebab hal itu pada budi bicaranya mengeluarkan waran atau saman untuk memastikan kehadiran pengadu atau orang itu.

Kuasa untuk memeriksa orang

65. (1) Jika seseorang pegawai penyiasat mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan sedang dilakukan atau telah dilakukan di bawah Akta ini, dia boleh, melalui notis secara bertulis —

- (a) memerintahkan mana-mana orang supaya hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan oleh pegawai penyiasat itu berhubung dengan apa-apa perkara yang boleh, pada pendapat pegawai penyiasat itu, membantu dalam penyiasatan ke atas kesalahan itu;
- (b) memerintahkan mana-mana orang itu supaya mengemukakan di hadapan pegawai penyiasat itu harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen, maklumat, artikel atau benda yang boleh, pada pendapat pegawai penyiasat itu, membantu dalam penyiasatan ke atas kesalahan itu; atau
- (c) menghendaki mana-mana orang supaya memberikan satu pernyataan bertulis yang dibuat atas sumpah atau ikrar menerangkan di dalamnya segala maklumat sedemikian

yang mungkin dikehendaki di bawah notis itu, merupakan maklumat yang, pada pendapat pegawai penyiasat itu, akan dapat membantu dalam penyiasatan ke atas kesalahan itu,

dan hendaklah mengubah kepada bertulis apa-apa kenyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.

(2) Seseorang yang kepadanya suatu perintah di bawah perenggan (1)(a) atau (b), atau suatu kehendak di bawah perenggan (1)(c), telah diberikan hendaklah mematuhi terma perintah atau kehendak itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan, khususnya—

- (a) seseorang yang kepadanya suatu perintah di bawah perenggan (1)(a) telah diberikan hendaklah hadir mengikut terma perintah itu untuk diperiksa, dan hendaklah terus hadir sedemikian dari sehari ke sehari sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai penyiasat sehingga pemeriksaan itu selesai, dan hendaklah di sepanjang pemeriksaan itu menzahirkan segala maklumat yang ada dalam pengetahuannya, atau yang tersedia ada untuknya, atau yang boleh didapatkan olehnya, berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengannya dia sedang diperiksa, sama ada apa-apa soalan dikemukakan kepadanya ataupun tidak mengenainya itu, dan jika apa-apa soalan dikemukakan kepadanya dia hendaklah menjawab soalan itu dengan benar dan sepanjang yang dia tahu dan percaya, dan tidak boleh enggan menjawab apa-apa soalan atas alasan yang soalan itu mungkin menunjukkan dia atau suami atau isterinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah bersalah;
- (b) seseorang yang kepadanya suatu perintah telah diberikan di bawah perenggan (1)(b) tidak boleh menyembunyikan, menyorokkan, memusnahkan, mengubahpinda, memindahkan dari atau menghantar ke luar Malaysia, atau mengurusniagakan, membelanjakan, atau melupuskan, apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen, maklumat, artikel atau benda yang dinyatakan dalam perintah itu, atau mengubahpinda atau merosakkan apa-apa catatan dalam mana-mana dokumen lain yang itu atau menyebabkannya supaya dilakukan, atau membantu atau berkomplot untuk melakukannya; dan

- (c) seseorang yang kepadanya suatu notis bertulis telah diberikan di bawah perenggan (1)(c) hendaklah, dalam pernyataannya yang dibuat atas sumpah atau ikrar, memberikan dan menzahirkan dengan benar semua maklumat yang dikehendaki di bawah notis itu yang berada dalam pengetahuannya, atau yang tersedia ada untuknya, atau yang boleh didapatkan olehnya, dan tidak boleh gagal memberikan atau menzahirkan maklumat itu atas alasan yang maklumat itu mungkin menunjukkan bahawa dia atau suami atau isterinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah bersalah.
- (3) Seseorang yang kepadanya suatu perintah atau notis diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi notis atau perintah itu dan peruntukan subseksyen (2) yang berhubungan dengannya, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada diperbuat sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, atau apa-apa sumpah, akujanji atau kehendak menyimpan rahsia, yang berlawanan, atau apa-apa kewajipan di bawah apa-apa kontrak, perjanjian atau perkiraan, sama ada nyata atau tersirat, yang berlawanan.
- (4) Jika mana-mana orang menzahirkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen, maklumat, artikel, atau benda, menurut subseksyen (1) dan (2), baik orang yang mula-mula disebutkan itu, mahupun mana-mana orang lain yang bagi pihak atau atas arahannya atau yang sebagai ejen atau pekerjaan orang yang mula-mula disebut itu mungkin bertindak, tidak boleh, oleh sebab penzahiran atau pengemukaan itu, dikenakan apa-apa dakwaan kerana apa-apa kesalahan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang, atau dikenakan apa-apa prosiding atau tuntutan dalam apa-apa bentuk atau apa-apa perihalan oleh mana-mana orang di bawah atau menurut kuasa apa-apa perjanjian atau perkiraan, atau bagaimana jua pun selainnya.
- (5) Seseorang pegawai penyiasat boleh menyita, mengambil milik dan menahan selama apa-apa jangka masa yang difikirkannya perlu, apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen, maklumat, artikel atau benda yang dikemukakan di hadapannya semasa berjalannya sesuatu penyiasatan di bawah subseksyen (1), atau memeriksa orang yang sedang diperiksa olehnya di bawah perenggan (1)(a), atau yang

mengemukakan apa-apa benda kepadanya di bawah perenggan (1)(b), untuk memastikan sama ada apa-apa benda yang relevan dengan penyiasatan itu disembunyikan, atau selainnya, pada diri orang itu.

(6) Sesuatu pernyataan yang telah diubah kepada bertulis oleh seorang pegawai penyiasat mengikut subseksyen (1) hendaklah dibacakan kepada dan ditandatangani oleh orang yang sedang diperiksa, dan jika orang itu enggan menandatangani rekod itu, pegawai penyiasat itu hendaklah mengendorskan atas rekod itu di bawah tandatangannya dengan menyatakan hal keengganan itu dan sebab-sebab baginya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

(7) Rekod suatu pemeriksaan di bawah perenggan (1)(a), atau suatu pernyataan bertulis atas sumpah atau ikrar yang dibuat menurut perenggan (1)(c), atau apa-apa harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen, maklumat, artikel atau benda yang dikemukakan di bawah perenggan (1)(b) atau selainnya semasa berjalannya suatu pemeriksaan di bawah perenggan (1)(a) atau di bawah sesuatu pernyataan bertulis atas sumpah atau ikrar yang dibuat menurut perenggan (1)(c), hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, menjadi boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding di mana-mana mahkamah -

- (a) bagi, atau yang berhubungan dengan, sesuatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) bagi, atau yang berhubungan dengan, apa-apa perkara lain di bawah Akta ini; atau
- (c) bagi, atau yang berhubungan dengan, apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain,

tidak kira sama ada prosiding itu adalah terhadap orang yang telah diperiksa, atau yang mengemukakan harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen, maklumat, artikel atau benda, atau yang membuat pernyataan bertulis atas sumpah atau ikrar itu, atau terhadap mana-mana orang lain.

(8) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sesuatu perintah atau kehendak seseorang pegawai penyiasat di bawah subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penyerahan dokumen perjalanan

66. (1) Walau apa jua pun yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis, seseorang pegawai penyiasat boleh, melalui notis bertulis, menghendaki mana-mana orang yang tertakluk kepada suatu penyiasatan di bawah Bahagian ini, untuk menyerahkan dokumen perjalananya termasuklah pasport atau permit masuk yang dalam milikannya, dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(2) Suatu notis di bawah subseksyen (1) hendaklah diserahsampaikan dalam cara yang diperuntukkan dalam seksyen 64.

(3) Seseorang yang suatu notis di bawah subseksyen (1) diserahsampaikan kepadanya hendaklah mematuhi notis itu, jika enggan dia boleh ditangkap dan dibawa ke hadapan seorang majistret.

(4) Jika seseorang itu dibawa ke hadapan seorang Majistret, melainkan orang itu mematuhi notis di bawah subseksyen (1) atau memuaskan hati Majistret bahawa dia tidak mempunyai dokumen perjalanan, Majistret hendaklah dengan waran menahan orang itu dalam penjara—

(a) sehingga habis tempoh empat belas hari dari tarikh hukumannya itu; atau

(b) sehingga dia mematuhi notis di bawah subseksyen (1),

yang mana lebih awal.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), suatu sijil yang ditandatangani oleh Pendakwa Raya yang memberitahu bahawa orang itu telah mematuhi notis bertulis di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi kebenaran yang mencukupi bagi Pesuruhjaya Penjara untuk melepaskan orang itu.

(6) Seseorang pegawai penyiasat boleh, dengan kelulusan bertulis daripada Bank, melalui notis bertulis yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai imigrisen, menghendaki bahawa mana-mana orang yang tertakluk kepada suatu penyiasatan yang berhubungan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini dihalang daripada meninggalkan Malaysia.

(7) Pegawai imigresen itu, apabila dimaklumkan oleh suatu notis bertulis yang dibuat di bawah subseksyen (6), boleh menghendaki orang yang tertakluk kepada suatu penyiasatan berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, menyerahkan pasport, permit keluar atau mana-mana dokumen perjalanan yang lain dalam milikannya kepada seseorang pegawai Imigresen.

(8) Tertakluk kepada mana-mana perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis, berhubung dengan pembuangan negeri dan imigresen, “pegawai imigresen” ertiinya seseorang yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155].

(9) Walau apa pun subseksyen (3), mana-mana orang yang tidak mematuhi notis bertulis di bawah subseksyen (1) melakukan kesalahan.

Bantuan kepada pegawai polis atau pihak berkuasa awam, dsb.

67. Walau apa pun apa-apa jua di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis yang lain, Bank, atas inisiatifnya sendiri, atau atas permintaan seorang pegawai polis atau mana-mana pihak berkuasa awam atau institusi, yang sedang menjalankan apa-apa penyiasatan di bawah mana-mana undang-undang, boleh membenarkan pegawai polis, pihak berkuasa awam atau institusi itu akses kepada atau suatu salinan kepada—

- (a) suatu dokumen yang disita, ditahan atau diambil milik;
- (b) suatu rekod pemeriksaan; atau
- (c) suatu pernyataan bertulis yang bersumpah atau diikrar.

di bawah Akta ini.

Pegawai penyiasat disifatkan sebagai pekhidmat awam dan pegawai awam

68. Seseorang pegawai penyiasat hendaklah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574], dan sebagai seorang pegawai awam bagi maksud Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593] atau mana-mana undang-undang bertulis lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Bank.

Kesalahan boleh tangkap

69. Kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini adalah suatu kesalahan boleh tangkap, dan seseorang pegawai polis yang pangkatnya tidak kurang daripada pangkat inspektor, atau seseorang pegawai penyiasat yang dilantik di bawah seksyen 53 boleh menangkap seseorang tanpa waran yang mana dia secara munasabah mengesyaki kesalahan itu telah dilakukan atau sedang dilakukan.

Orang yang ditangkap untuk diserahkan kepada polis

70. Seseorang pegawai penyiasat yang membuat penangkapan di bawah seksyen 69, hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu, menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada seorang pegawai polis, jika tidak ada pegawai polis, membawa orang itu ke balai polis yang berhampiran, dan selepas itu orang yang ditangkap seperti disebut terdahulu hendaklah diuruskan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan prosedur jenayah yang sedang berkuat kuasa seolah-olah dia telah ditangkap oleh seorang pegawai polis.

Agent provocateur

71. Walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini—

- (a) tiada *agent provocateur* pun, sama ada dia seorang pegawai atau pekerja Bank atau tidak, boleh dianggapkan menjadi seorang rakan jenayah atau tidak boleh dipercayai hanya kerana dia telah cuba melakukan atau bersubahat dalam, atau telah bersubahat atau terlibat dalam komplot jenayah untuk melakukan, kesalahan itu jika tujuan utama percubaan, persubahatan atau penglibatan itu ialah untuk mendapatkan keterangan terhadap orang itu;
- (b) apa-apa pernyataan sama ada secara lisan atau bertulis yang dibuat oleh mana-mana orang kepada *agent provocateur* itu, termasuklah mana-mana orang yang kemudiaannya didakwa dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah menjadi boleh diterima sebagai keterangan

dan diberikan kadar wajar dan pertimbangan dalam mana-mana perbicaraan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini; dan

- (c) suatu sabitan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang berdasarkan semata-mata pada keterangan tanpa sokongan mana-mana *agent provocateur* tidak boleh menjadi tidak sah dan tiada sabitan sedemikian boleh diketepikan hanya kerana mahkamah yang membicarakan kes itu tidak menyebut dalam alasan penghakimannya kehendak supaya mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan berdasarkan pada keterangan sedemikian.

Orang tertentu yang berkenaan dengannya kuasa-kuasa penyiasatan boleh dijalankan

72. Tanpa menjelaskan keluasan kuasa penyiasatan lain yang diberikan kepada seseorang pegawai penyiasat di bawah Bahagian ini, kuasa itu boleh dilaksanakannya—

- (a) terhadap—

- (i) mana-mana sekutu perniagaan yang lalu atau sekarang;
- (ii) mana-mana orang yang adalah atau pernah menjadi seorang saudara;
- (iii) mana-mana orang yang adalah, atau pernah pada bila-bila masa, membuat apa-apa urus niaga atau transaksi, termasuk juruaudit, dengan;
- (iv) mana-mana pengarah, ketua pegawai eksekutif, pekerja atau ejen yang lalu atau sekarang;
- (v) mana-mana orang yang sedang atau telah bersangkut-paut dengan pengawalan atau pengurusan, keseluruhan atau sebahagian hal ehwal; atau
- (vi) mana-mana pemegang syer atau mana-mana orang yang mempunyai atau pernah mempunyai sesuatu kepentingan dalam syer, atau selainnya mempunyai atau pernah mempunyai suatu kepentingan dalam harta,

orang yang disyaki yang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;

- (b) terhadap mana-mana sekutu perniagaan atau saudara kepada orang yang disebutkan dalam perenggan (a); atau
- (c) terhadap mana-mana badan diperbadankan atau tak diperbadankan yang baginya mana-mana orang yang disebutkan dalam perenggan (a) ialah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, pekerja atau ejen, yang mana badan itu adalah suatu perbadanan, mempunyai suatu kepentingan dalam syer perbadanan itu.

BAHAGIAN VIII

KUASA-KUASA LAIN BANK

Kuasa Bank untuk mengeluarkan arahan

73. (1) Jika Bank berpendapat bahawa—

- (a) seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang—
 - (i) sedang menjalankan perniagaan perkhidmatan wang dengan cara yang memudaratkan kepentingan pelanggannya atau kepentingan awam secara amnya;
 - (ii) sedang melanggar atau telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
 - (iii) telah tidak mematuhi mana-mana garis panduan, pekeliling, piawaian atau notis yang dikeluarkan oleh Bank di bawah seksyen 74, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
 - (iv) telah menjadi atau mungkin akan menjadi tidak berupaya untuk menunaikan kesemua atau mana-mana obligasinya di bawah Akta ini; atau
- (b) perlu untuk berbuat demikian oleh sebab apa-apa pemeriksaan atau penyiasatan di bawah Akta ini,

Bank boleh mengeluarkan suatu arahan secara bertulis untuk—

- (A) melarang seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang daripada menjalankan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perniagaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu;

- (B) melarang seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang daripada melakukan atau melaksanakan apa-apa perbuatan atau fungsi berkaitan dengan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perniagaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu;
- (C) menggantung perniagaan seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang pada apa-apa takat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang perlu untuk memberikan kuat kuasa kepada larangan di bawah perenggan (A) atau (B);
- (D) memberi Bank kuasa untuk mengambil ke dalam jagaannya atau kawalannya, dokumen, harta atau harta persendirian pemegang lesen itu atau ejen perniagaan perkhidmatan wang seseorang pemegang lesen itu; atau
- (E) menghendaki seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang supaya mengambil apa-apa langkah, mengambil apa-apa tindakan, melakukan atau menahan diri daripada melakukan apa-apa perbuatan atau benda, apa jua pun, yang pada pendapat Bank adalah perlu untuk meremedi keadaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Dalam memberikan apa-apa arahan di bawah subseksyen (1), Bank boleh memasukkan kehendak yang berbangkit, bersampingan atau berdampingan sifatnya untuk dipatuhi oleh pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu dan Bank boleh menganekan apa-apa terma, syarat dan kehendak sebagaimana yang difikirkan patut oleh Bank.

(3) Jika Bank bercadang untuk mengeluarkan suatu arahan secara bertulis di bawah subseksyen (1) kepada seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang, Bank hendaklah memberi orang itu suatu notis bertulis yang menyatakan tindakan yang dicadangkan dan alasan bagi tindakan itu.

(4) Pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu hendaklah diberi peluang untuk membuat representasi bertulis kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis itu.

(5) Jika Bank berpendapat bahawa apa-apa kelengahan dalam mengeluarkan arahan kepada seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang di bawah seksyen ini akan

memudaratkan kepentingan pelanggan atau orang awam, Bank boleh mengeluarkan arahan itu dan peluang untuk membuat representasi di bawah subseksyen (4) hendaklah diberikan sebaik selepas keputusan untuk memberikan arahan itu dibuat dan susulan daripada representasi itu, Bank boleh mengesahkan atau membatalkan arahan itu.

(6) Jika tiada representasi bertulis diterima oleh Bank dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (4), Bank hendaklah melalui notis bertulis meneruskan tindakan yang dicadangkan di bawah subseksyen (3).

(7) Jika representasi bertulis diterima, Bank hendaklah, setelah mempertimbangkan representasi itu, memberi pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu suatu notis bertulis tentang keputusannya.

(8) Suatu keputusan untuk mengambil tindakan di bawah subseksyen (6) atau (7) hendaklah berkuat kuasa dengan serta-merta atau pada apa-apa tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dalam notis bertulisnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(9) Jika Bank membuat keputusan di bawah subseksyen (7) untuk tidak mengambil apa-apa tindakan, Bank boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang dinyatakannya dalam arahan yang diberikan di bawah subseksyen itu.

(10) Pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang diputuskan oleh Bank.

(11) Seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang hendaklah memberhentikan perniagaannya jika tindakan yang dicadangkan atau keputusan yang berkuat kuasa di bawah subseksyen (8) berhubung dengan penggantungan perniagaan itu, dan penggantungan itu tidak berkuat kuasa sehingga menjelaskan—

(a) apa-apa perjanjian, transaksi atau perkiraan yang berhubungan dengan perniagaan yang dibuat oleh pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

(b) apa-apa hak, tuntutan, obligasi atau liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebelum perniagaan itu digantung.

(12) Kepuasan Bank di bawah subseksyen (1) bahawa mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilanggar atau bahawa mana-mana garis panduan, pekeliling, piawaian atau notis telah tidak dipatuhi oleh seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang boleh tercapai tidak kira sama ada apa-apa pendakwaan diambil atau tidak atas pelanggaran atau ketakpatuhan itu.

(13) Seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang tidak boleh membuat apa jua tuntutan terhadap Bank atau menjadi berhak kepada pampasan daripada Bank bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialaminya atau berlaku ke atasnya disebabkan oleh pengeluaran arahan oleh Bank di bawah subseksyen (1).

(14) Mana-mana orang yang—

- (a) tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (9) melakukan satu kesalahan; atau
- (b) melanggar subseksyen (10) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kuasa mengeluarkan garis panduan, dsb.

74. (1) Bank boleh pada amnya berkenaan dengan Akta ini, atau berkenaan dengan mana-mana peruntukan tertentu Akta ini, atau pada amnya berkenaan dengan penjalanan kesemua atau mana-mana pemegang lesen itu, mengeluarkan apa-apa garis panduan, pekeliling, piawaian atau notis sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Bank.

(2) Bank boleh membatalkan atau meminda keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana garis panduan, pekeliling, piawaian atau notis yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

(3) Seseorang yang baginya garis panduan, pekeliling, piawaian atau notis yang disebut dalam subseksyen (1) terpakai hendaklah mematuhi garis panduan, pekeliling, piawaian atau notis itu dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(4) Jika seseorang yang disebut dalam subseksyen (3) melanggar atau tidak mematuhi apa-apa garis panduan, pekeliling, piawaian atau notis yang dikeluarkan oleh Bank, Bank boleh mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 73(1) atau 75(2) sebagaimana yang difikirkan patut oleh Bank.

Kuasa Bank untuk mengambil tindakan pentadbiran

75. (1) Jika seseorang—

- (a) sedang melanggar atau telah melanggar peruntukan Akta ini selain peruntukan yang dinyatakan dalam Jadual; atau
- (b) tidak mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan mana-mana garis panduan pekeliling, piawaian atau notis bertulis yang dikeluarkan oleh Bank di bawah seksyen 74, dalam hal keadaan apabila orang itu di bawah suatu obligasi untuk mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan garis panduan pekeliling, piawaian atau notis sedemikian mengikut mana-mana yang berkenaan,

orang itu telah melakukan suatu kemungkiran di bawah Akta ini.

(2) Jika seseorang telah melakukan suatu kemungkiran di bawah subseksyen (1) dan Bank berpuas hati bahawa adalah wajar untuk mengambil tindakan terhadap orang itu, Bank boleh mengambil mana-mana satu atau lebih daripada tindakan yang berikut:

- (a) untuk mengarahkan orang yang mungkir itu supaya mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan mana-mana peruntukan garis panduan pekeliling, piawaian atau notis sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) untuk mengenakan suatu penalti yang sepadan dengan berat atau seriusnya kemungkiran itu, tetapi dalam apa-apa hal keadaan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit;
- (c) untuk mencela orang yang mungkir itu;

- (d) untuk menghendaki orang yang mungkir itu supaya mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh Bank untuk meremedi kemungkiran itu atau mengurangkan kesan kemungkiran itu, termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan kemungkiran itu; atau
- (e) untuk mengeluarkan suatu kenyataan awam yang mempunyai kesan bahawa, pada pendapat Bank, ia perlu bagi maksud kepentingan awam.

(3) Bank tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (2) tanpa memberi orang yang mungkir itu notis bertulis yang menyatakan tindakan yang dicadangkan dan alasan bagi tindakan itu.

(4) Orang yang mungkir itu hendaklah diberi peluang untuk membuat representasi bertulis kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis itu.

(5) Jika tiada representasi bertulis diterima oleh Bank dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (4), Bank hendaklah melalui suatu notis bertulis meneruskan tindakan yang dicadangkan di bawah subseksyen (3).

(6) Jika representasi bertulis diterima, Bank hendaklah, setelah mempertimbangkan representasi itu, memberi orang yang mungkir itu suatu notis bertulis tentang keputusannya.

(7) Suatu keputusan untuk mengambil tindakan di bawah subseksyen (5) atau (6) hendaklah berkuat kuasa dengan serta-merta atau pada apa-apa tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dalam notis bertulisnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(8) Jika seseorang telah gagal membayar suatu penalti yang dikenakan oleh Bank di bawah perenggan (2)(b), guaman boleh dibawa untuk mendapatkan penalti yang dikenakan oleh Bank itu dan penalti itu boleh didapatkan sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan Malaysia.

(9) Bagi maksud perenggan (2)(d), dalam menentukan sama ada atau tidak restitusi kena dibuat oleh seseorang yang mungkir, Bank hendaklah mengambil kira—

- (a) keuntungan yang terakru kepada orang yang mungkir itu; atau
- (b) sama ada satu atau lebih orang telah mengalami kehilangan atau selainnya terjejas akibat kemungkiran itu.

(10) Tanpa menjelaskan mana-mana remedи lain, jika sesuatu arahan di bawah perenggan (2)(d) telah menghendaki orang yang mungkir itu untuk membuat restitusi dalam bentuk pembayaran wang dan orang yang mungkir itu tidak membayar restitusi itu, Bank boleh membawa guaman terhadap dan mendapatkan restitusi itu sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada orang yang terkilan dengan kemungkiran itu.

(11) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang Bank daripada mengambil apa-apa tindakan yang ia diberi kuasa untuk mengambil di bawah Akta ini terhadap orang yang mungkir itu.

(12) Setakat yang apa-apa amaun yang didapatkan di bawah perenggan (2)(d) atau subseksyen (10) tidak dapat diagihkan disebabkan kesulitan mengenal pasti atau memberitahu orang yang terkilan itu, amaun itu hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Tindakan sivil oleh Bank

76. Bank boleh memulakan prosiding sivil di dalam mahkamah terhadap seseorang, sama ada atau tidak orang itu telah dipertuduh atas mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam sesuatu pendakwaan.

Kuasa mahkamah untuk membuat perintah tertentu

77. (1) Jika atas suatu permohonan yang dibuat oleh Bank, mahkamah mendapati bahawa—

- (a) wujud kemungkinan yang munasabah bahawa mana-mana orang akan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini; atau

- (b) mana-mana orang telah melanggar suatu peruntukan Akta ini dan terdapat langkah-langkah yang boleh diambil untuk meremedi pelanggaran itu atau untuk mengurangkan kesan pelanggaran itu termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan pelanggaran itu,

sama ada atau tidak orang itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu dakwaan, mahkamah boleh, tanpa menjelaskan apa-apa perintah yang berhak dibuat olehnya selain menurut seksyen ini, membuat satu atau lebih daripada perintah yang berikut:

- (A) suatu perintah yang menahan atau menghendaki pemberhentian pelanggaran itu;
- (B) suatu perintah yang menghendaki orang itu, atau mana-mana orang lain yang diketahui terlibat dalam pelanggaran itu, untuk mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah untuk meremedi atau mengurangkan kesan pelanggaran itu termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan pelanggaran itu;
- (C) bagi maksud memastikan pematuhan apa-apa perintah lain di bawah seksyen ini, suatu perintah yang mengarahkan seseorang untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan suatu perbuatan yang dinyatakan;
- (D) suatu perintah yang menahan orang itu daripada memperoleh, melupuskan atau selainnya menguruskan, harta yang mengenainya mahkamah berpuas hati bahawa orang itu mungkin semunasabunya melupuskan atau selainnya menguruskanya;
- (E) jika seseorang itu telah enggan atau tidak, atau masih enggan atau tidak, atau bercadang untuk enggan atau tidak, melakukan apa-apa perkara yang ia dikehendaki untuk melakukannya di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, suatu perintah yang menghendaki orang itu untuk melakukannya;
- (F) dalam hal jika orang itu ialah seorang ketua pegawai eksekutif, pengarah atau pengurus yang bertanggungjawab ke atas perniagaan perkhidmatan wang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang, suatu perintah yang memecat orang itu daripada jawatannya atau

dia dihalang daripada menjadi seorang ketua pegawai eksekutif, pengarah atau pengurus pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu, atau untuk terlibat dalam pengurusan, secara langsung atau tidak langsung, pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang diputuskan oleh mahkamah; atau

- (G) apa-apa perintah sampingan yang disifatkan wajar berikut dengan pembuatan suatu perintah di bawah mana-mana peruntukan terdahulu subseksyen ini.

(2) Jika suatu permohonan dibuat kepada suatu mahkamah bagi suatu perintah di bawah subseksyen (1), mahkamah itu boleh, jika pada pendapatnya adalah wajar untuk berbuat demikian, sebelum mempertimbangkan permohonan itu, membuat suatu perintah interim dan perintah itu hendaklah dinyatakan mempunyai kuat kuasa sementara menanti penentuan permohonan itu.

(3) Mahkamah boleh, sebelum membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), mengarahkan supaya notis permohonan itu diberikan kepada mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut atau mengarahkan supaya notis permohonan itu disiarkan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, atau kedua-duanya.

(4) Jika suatu permohonan dibuat kepada mahkamah bagi suatu perintah di bawah subseksyen (1)(E), mahkamah boleh membenarkan perintah itu—

- (a) jika mahkamah berpuas hati bahawa orang itu telah enggan atau tidak melakukan perbuatan yang dikehendaki itu, sama atau tidak mahkamah mendapati bahawa orang itu berniat sekali lagi untuk enggan atau tidak atau terus untuk enggan atau tidak, melakukan perbuatan yang dikehendaki itu; atau
- (b) jika mahkamah mendapati bahawa sekiranya perintah sedemikian tidak dibenarkan, berkemungkinan bahawa orang itu akan enggan atau tidak melakukan perbuatan yang dikehendaki itu, sama ada atau tidak orang itu telah sebelum ini enggan atau tidak melakukan perbuatan itu atau sama ada atau tidak terdapat apa-apa risiko kerugian yang hampir berlaku kepada mana-mana orang jika orang yang dikehendaki melakukan perbuatan itu atau benda itu enggan atau tidak berbuat demikian.

(5) Jika suatu permohonan bagi suatu perintah di bawah subseksyen (1) dibuat oleh Bank atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Bank, mahkamah tidak boleh, menjadikan sebagai suatu syarat bagi perintah itu diberikan, menghendaki apa-apa aku janji tentang ganti rugi yang kena diberikan oleh atau bagi pihak Bank.

(6) Mana-mana orang yang tidak mematuhi suatu perintah di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(7) Subseksyen (6) tidak menyentuh kuasa mahkamah berhubung dengan hukuman hina mahkamah.

(8) Mahkamah boleh menghapuskan, mengubah atau membatalkan sesuatu perintah yang dibuat olehnya di bawah seksyen ini atau menggantung kuasa perintah sedemikian.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

78. (1) Bank boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan sepenuhnya peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) untuk mengadakan peruntukan bagi tindakan pentadbiran menurut seksyen 75 dan bagi tindakan sivil menurut seksyen 76;
- (b) untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang boleh dikompaun;
- (c) untuk memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan; dan
- (d) untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan penalti bagi kesalahan yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan itu yang dendanya tidak boleh melebihi lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kuasa Bank untuk menyiar maklumat

79. Bank boleh, mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang difikirkannya wajar, menyiar maklumat sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Bank bagi maksud kepentingan awam, termasuk maklumat yang berikut:

- (a) penerimaan oleh mana-mana orang mengenai suatu tawaran untuk mengkompaun sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 88(1);
- (b) pemansuhan atau pembatalan apa-apa pengecualian yang diberikan di bawah seksyen 91;
- (c) sabitan mana-mana orang bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (d) apa-apa tindakan lain yang diambil oleh Bank terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IX**PELBAGAI****Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

80. Jika suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang dalam apa jua cara mempunyai kawalan ke atas perniagaan perkhidmatan wang pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian, atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu, atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian, hendaklah disifatkan melakukan suatu kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang dia patut jalankan, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan.

Kesalahan oleh pekerja atau ejen

81. (1) Jika mana-mana orang di bawah Akta ini boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, orang itu boleh dikenakan hukuman

atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh pekerja orang itu dalam masa penggajiannya, atau oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu, atau oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

(2) Tiada apa-apa jua di bawah subseksyen (1) akan membebaskan seseorang ejen, pegawai atau pekerja daripada apa-apa tanggungan bagi sesuatu kesalahan.

Pencantuman kesalahan

82. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, jika seseorang itu dituduh atas lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh dipertuduh dan dibicarakan dalam satu perbicaraan bagi seberapa banyak kesalahan yang dilakukan dalam apa-apa jarak tempoh.

Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang

83. Tiada apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain akan dibawa, diinstitusikan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa lain terhadap—

- (a) Menteri;
- (b) Bank;
- (c) Gabenor; atau
- (d) mana-mana pengarahnya, pegawainya atau pekerjanya atau mana-mana orang yang bertindak untuk Bank,

untuk atau bagi, atau berkenaan dengan, apa-apa tindakan atau kenyataan yang dibuat atau ditinggalkan, atau yang menyerupai dibuat atau ditinggalkan, dalam penurutan atau pelaksanaannya, atau penurutann atau pelaksanaannya yang diinginkan di bawah,

Akta ini atau mana-mana perintah, arahan atau benda yang dikeluarkan di bawah Akta ini jika tindakan atau kenyataan itu dilakukan atau dibuat, atau ditinggalkan, dengan niat baik.

Kerahsiaan

- 84.** (1) Tiada seorang pun yang adalah atau pernah menjadi seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, pengawal atau pekerja seorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang boleh memberi, mengemukakan, memberitahu, membukakan, menyiarkan atau selainnya menzahirkan kepada mana-mana orang, atau membuat suatu rekod bagi mana-mana orang, apa-apa jua pun mana-mana maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal atau akaun mana-mana pelanggannya.
- (2) Tiada seorang pun, atas apa-apa sebab, mempunyai dengan apa-apa cara akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan pelanggan seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang, boleh memberikan, mengemukakan, memberitahu, menzahirkan, membukakan, menyiarkan atau selainnya menzahirkan, kepada mana-mana orang, atau membuat suatu rekod bagi mana-mana orang, apa-apa jua pun maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal atau akaun pelanggan itu.
- (3) Tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa maklumat atau dokumen yang pada pengetahuannya telah dizahirkan dengan melanggar subseksyen (1) atau (2) boleh dengan apa jua cara sekalipun menzahirkannya kepada mana-mana orang lain.
- (4) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan sesuatu kesalahan.

Penzahiran yang dibenarkan

- 85.** Peruntukan dalam seksyen 84 tidak terpakai bagi penzahiran apa-apa maklumat atau dokumen—
- (a) kepada Bank, atau kepada mana-mana pengarah atau pegawai Bank, atau kepada mana-mana orang yang dilantik oleh Bank di bawah subseksyen 3(3), jika penzahiran itu adalah bagi maksud menjalankan kuasa,

melaksanakan fungsi atau menunaikan kewajipan Bank, atau pengarah atau pegawai Bank, atau bagi orang yang dilantik di bawah subseksyen 3(3);

- (b) kepada mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan profesional kepada Bank berhubung dengan apa-apa perkara undang-undang, perakaunan, penilaian atau apa-apa perkara lain yang memerlukan pengetahuan profesional, dan dia dibenarkan secara bertulis oleh Bank untuk mendapatkan maklumat itu daripada pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu bagi maksud perkhidmatannya kepada Bank;
- (c) yang pada masa penzahiran itu adalah, atau telah dibuat, sedia ada secara sahnya kepada orang awam daripada apa-apa sumber selain pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang itu;
- (d) yang dalam bentuk ringkasan, penyatuan, agregat atau kumpulan maklumat yang dinyatakan mengikut apa-apa cara yang daripadanya itu tidak dapat memastikan maklumat yang berhubungan dengan mana-mana pelanggan tertentu;
- (e) yang pelanggan, atau wakil dirinya, telah memberikan kebenaran secara bertulis untuk dizahirkan;
- (f) jika penzahiran sedemikian dikehendaki atau dibenarkan di bawah mana-mana peruntukan lain Akta ini;
- (g) jika penzahiran sedemikian dikehendaki oleh mana-mana mahkamah; atau
- (h) jika penzahiran sedemikian dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana mahkamah atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Percubaan, persubahatan dan pakatan

86. (1) Seseorang melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penalti bagi kesalahan itu jika dia—

- (a) cuba melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) membuat suatu perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan atau bagi membantu pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

- (c) bersubahat atau terlibat dalam suatu komplot jenayah untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan akibat daripadanya.
- (2) Mana-mana peruntukan Akta ini yang mengandungi sebutan mengenai sesuatu kesalahan di bawah mana-mana peruntukan khusus Akta ini hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan mengenai suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) berhubung dengan kesalahan di bawah peruntukan khusus itu.

Penalti am

87. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk mengkompaun

88. (1) Gabenor boleh, dengan persetujuan bertulis daripada Pendakwa Raya, membuat suatu tawaran bertulis untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada mana-mana orang untuk mengkompaun kesalahan itu dengan pembayaran kepada Gabenor suatu amaun tidak melebihi amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang ditetapkan dalam tawaran subseksyen (1) tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh yang lanjut sebagaimana yang boleh diberikan oleh Gabenor, pendakwaan kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang menerima tawaran itu.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran mengkompaunkan kesalahan itu dibuat, dan apa-apa dokumen atau benda yang disita berhubung dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Bank, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang Bank fikirkan patut.

(5) Semua amaun wang yang diterima di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Pendakwaan

89. Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Menteri boleh meminda Jadual

90. Menteri boleh, atas syor Bank, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda Jadual.

Pengecualian

91. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang tertentu, atau mana-mana golongan, kategori atau perihalan orang itu daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini, tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan, atau syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dalam perintah itu.

Akta hendaklah dibaca bersama Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953

92. (1) Akta ini hendaklah dibaca bersama dengan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan peruntukan Akta ini adalah tambahan kepada, dan bukan menjaskan, peruntukan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

(2) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara peruntukan Akta ini dengan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 hendaklah dipakai.

BAHAGIAN X

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Pemansuhan

93. Akta Pengurusan Wang 1998 dimansuhkan.

Kecualian

94. (1) Tertakluk kepada seksyen 95—

- (a) seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 7 Akta Pengurusan Wang 1998 hendaklah disifatkan sebagai dilesenkan di bawah seksyen 7 pada tarikh yang ditetapkan dan boleh menjalankan perniagaan pengurusan wang di bawah Akta ini;
- (b) seseorang yang telah diberi kebenaran oleh Pengawal Pertukaran Wang Asing di bawah seksyen 10 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 untuk menjalankan perniagaan pengiriman wang hendaklah disifatkan sebagai dilesenkan di bawah seksyen 7 pada tarikh yang ditetapkan dan boleh menjalankan perniagaan pengiriman wang di bawah Akta ini;
- (c) seseorang yang telah diberi kebenaran oleh Pengawal Pertukaran Wang Asing di bawah seksyen 4, 24 dan 25 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 untuk menjalankan perniagaan mata wang borong, hendaklah disifatkan sebagai dilesenkan di bawah seksyen 7 pada tarikh yang ditetapkan dan boleh menjalankan perniagaan mata wang borong di bawah Akta ini; dan
- (d) seseorang yang telah menerima suatu pemberitahuan bertulis daripada Bank di bawah seksyen 5 Akta Sistem Pembayaran 2003 berkenaan dengan pengadaan perniagaan pengiriman wang dengan menggunakan sistem pengiriman wangnya sendiri, pengadaan perniagaan pengiriman wang dengan menggunakan sistem pengiriman wang pihak ketiga, atau mengadakan sistem pengiriman wang

kepada mana-mana orang, hendaklah disifatkan sebagai diberi kelulusan di bawah seksyen 40 pada tarikh yang ditetapkan dan boleh terus menggunakan sistem itu di bawah Akta ini;

(2) Seseorang yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah mematuhi apa-apa syarat sehingga takat dan dalam apa-apa tempoh, sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Pemberian lesen kepada orang yang disifatkan sebagai dilesenkan atau dibenarkan untuk menjalankan perniagaan

95. (1) Jika baki tempoh sah lesen atau kebenaran yang disebut dalam seksyen 94—

(a) kurang daripada dua tahun dari tarikh yang ditetapkan, orang itu hendaklah memohon di bawah seksyen 5 bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan wang dalam tempoh tiga bulan dari tarikh yang ditetapkan atau apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang ditentukan oleh Bank; atau

(b) dua tahun atau lebih dari tarikh yang ditetapkan, orang itu hendaklah memohon di bawah seksyen 5 bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan wang dalam tempoh enam bulan dari tarikh yang ditetapkan atau apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(2) Jika tempoh sah lesen atau kebenaran yang disebut dalam seksyen 94 tidak dinyatakan, orang itu hendaklah membuat permohonan di bawah seksyen 5 bagi suatu lesen perniagaan perkhidmatan wang dalam tempoh enam bulan dari tarikh yang ditetapkan atau apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(3) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan pengiriman wang hendaklah dikemukakan berserta dengan permohonan untuk mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu di bawah seksyen 40 untuk menggunakan sistem pengiriman wang, sama ada sistem itu kepunyaannya sendiri atau sistem pihak ketiga.

(4) Seorang yang disebut dalam perenggan 94(1)(d) hendaklah disifatkan telah mendapat kelulusan bertulis daripada Bank di bawah seksyen 40 untuk menggunakan suatu sistem pengiriman wang apabila kelulusan itu diberikan oleh Bank kepada seorang pemegang lesen di bawah seksyen itu.

(5) Bank boleh memberikan suatu lesen di bawah seksyen 7 kepada seseorang yang disebut dalam subseksyen (1), dengan atau tanpa syarat, atau enggan untuk memberikan suatu lesen.

(6) Lesen atau kebenaran yang diberikan kepada seseorang yang disebut dalam seksyen 94 hendaklah dibatalkan—

(a) jika subseksyen (1) tidak dipatuhi, apabila habis tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen itu; atau

(b) jika subseksyen (1) dipatuhi tetapi lesen ditolak di bawah seksyen 7, pada tarikh penolakan itu.

(7) Jika Bank bercadang untuk tidak memberikan suatu lesen di bawah Akta ini kepada seseorang yang disebut dalam seksyen 94, Bank hendaklah memberi orang itu suatu notis bertulis yang menyatakan niat Bank dan alasan lesen itu tidak diberikan.

(8) Orang itu hendaklah diberi peluang untuk membuat representasi bertulis kepada Bank dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis daripada Bank.

(9) Jika tiada representasi bertulis diterima oleh Bank dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (8), Bank tidak akan memberikan lesen itu.

(10) Jika representasi bertulis diterima, Bank hendaklah, selepas mempertimbangkan representasi itu, memberikan keputusannya kepada orang itu melalui suatu notis bertulis.

(11) Jika Bank memberikan suatu lesen di bawah seksyen 7 kepada seseorang yang disebut dalam seksyen 94, pemegang lesen itu hendaklah mematuhi peruntukan Akta ini dengan meningkatkan dana modalnya kepada apa-apa amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh lesen itu diberikan.

(12) Seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Peralihan

96. Walau apa pun seksyen 93 dan 94—

(a) semua—

- (i) peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, pengecualian dan perundangan subsidiari lain, tidak kira bagaimana jua sekalipun disebut; dan
- (ii) kelulusan, arahan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian dan tindakan eksekutif lain, tidak kira bagaimana jua sekalipun disebut,

yang dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, Akta yang dimansuhkan, seksyen 4, 10, 24, 25 dan 39 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 berhubung dengan perniagaan mata wang borong dan perniagaan pengiriman wang, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau seksyen 5 Akta Sistem Pembayaran 2003 berhubung dengan pengendali sistem pengiriman wang, hendaklah disifatkan telah dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya berhubung dengan orang yang kepadanya Akta itu terpakai sehinggalah dipinda, dimansuhkan, diungkai, dibatalkan atau digantikan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini;

(b) semua garis panduan, pekeliling, piawaian, notis atau pemberitahuan yang dikeluarkan oleh Bank atau Menteri berhubung dengan perniagaan pengurusan wang, perniagaan pengiriman wang, perniagaan mata wang borong, pengendalian sistem pengiriman wang, sebelum tarikh yang ditetapkan dan berkuat kuasa sebaik selepas tarikh

yang ditetapkan, hendaklah disifatkan telah dikeluarkan menurut undang-undang di bawah seksyen 74 berhubung dengan peruntukan tertentu Akta ini yang bersamaan dengan perkara yang diperkatakan dalam garis panduan, pekeliling, piawaian, notis atau pemberitahuan itu dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya sehinggalah ia dipinda, diungkai atau digantikan di bawah Akta ini;

- (c) apa-apa permohonan bagi sesuatu lesen, kebenaran, kelulusan, pemberitahuan atau keizinan, atau bagi apa-apa jua pun maksud lain, yang dibuat oleh mana-mana orang kepada Menteri atau kepada Bank di bawah Akta yang dimansuhkan, seksyen 4, 10, 24, 25 dan 39 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 berhubung dengan perniagaan mata wang borong atau perniagaan pengiriman wang, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau seksyen 5 Akta Sistem Pembayaran 2003 berhubung dengan pengendali sistem pengiriman wang, sebelum tarikh yang ditetapkan, dan belum diputuskan sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan, hendaklah luput pada tarikh yang ditetapkan;
- (d) transaksi atau urus niaga yang dilaksanakan atau dibuat menurut undang-undang, dan segala perniagaan yang dilakukan menurut undang-undang, di bawah atau mengikut Akta yang dimansuhkan, seksyen 4, 10, 24, 25 dan 39 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 berhubung dengan perniagaan mata wang borong atau perniagaan pengiriman wang, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau seksyen 5 Akta Sistem Pembayaran 2003 berhubung dengan pengendali sistem pengiriman wang, hendaklah disifatkan telah dilaksanakan, dibuat, atau dilakukan menurut undang-undang dan secara sah, di bawah dan mengikut Akta ini, dan dengan demikian itu, apa-apa hak atau liabiliti di bawah transaksi, urus niaga atau perniagaan yang ada, sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan, hendaklah disifatkan sebagai berterusan menurut undang-undang dan sah di bawah Akta ini;
- (e) tiada apa pun yang boleh menjaskan liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum atas apa-apa kesalahan atau kemungkiran yang dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 atau Akta Sistem Pembayaran 2003 sebelum tarikh yang ditetapkan;

- (f) apa-apa prosiding undang-undang, pendakwaan jenayah, penyiasatan yang belum selesai atau apa-apa hukuman yang dikenakan atau tindakan yang diambil sebelum tarikh yang ditetapkan berkenaan dengan suatu kesalahan atau kemungkiran di bawah Akta yang dimansuhkan, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 atau Akta Sistem Pembayaran 2003 boleh dimulakan, diteruskan atau dikuatkuasakan seolah-olah Akta ini telah tidak diperbuat; dan
- (g) apa-apa rayuan kepada Menteri yang menunggu keputusan di bawah seksyen 13 Akta yang dimansuhkan hendaklah diteruskan atau diselesaikan di bawah Akta yang dimansuhkan itu.

JADUAL

[Perenggan 75(1)(a)]

PERUNTUKAN YANG DIKECUALIKAN DARIPADA TINDAKAN PENTADBIRAN

Peruntukan yang berikut adalah dikecualikan daripada tindakan pentadbiran oleh Bank:

1. subseksyen 4(1);
2. subseksyen 7(4);
3. perenggan 9(11);
4. subseksyen 10(3);
5. subseksyen 15(1);
6. subseksyen 19(1);
7. subseksyen 21(1);
8. subseksyen 23(1);
9. subseksyen 25(1);
10. subseksyen 25(2);
11. subseksyen 27(1);
12. subseksyen 28(1);
13. subseksyen 29(1);
14. subseksyen 30(1);
15. subseksyen 30(3);
16. subseksyen 30(4);

17. subseksyen 30(8);
 18. subseksyen 30(10);
 19. subseksyen 32(1);
 20. subseksyen 32(2);
 21. subseksyen 32(4);
 22. subseksyen 33(2);
 23. seksyen 35;
 24. subseksyen 37(1);
 25. subseksyen 37(2);
 26. subseksyen 37(3);
 27. subseksyen 37(4);
 28. subseksyen 37(5);
 29. subseksyen 37(6);
 30. subseksyen 42(1);
 31. subseksyen 45(1);
 32. seksyen 62;
 33. subseksyen 65(8);
 34. subseksyen 73(10);
 35. perenggan 73(14)(a);
 36. subseksyen 77(6); dan
 37. subseksyen 95(12).
-

HURAIAN

Rang Undang-undang ini (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengawal aktiviti-aktiviti perniagaan pengurusan wang, perniagaan pengiriman wang dan perniagaan mata wang borong, yang sedang dimodenkan dan disatukan di bawah suatu industri yang dikenali sebagai industri “perniagaan perkhidmatan wang”. Akta yang dicadangkan merangkumi pelesenan, pengawalseliaan dan penyeliaan ke atas pemegang lesen dan ejen mereka untuk memastikan industri itu terdiri daripada peserta industri yang dinamik, kompeten dan profesional. Selain bertujuan untuk mengenakan kehendak tadbir urus, operasi dan kawalan bagi penjalanan kukuh perniagaan mereka, Akta yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengukuhkan rangka berhemat dan penyeliaan dalam industri perniagaan perkhidmatan wang untuk mengebung aktifiti haram, pengubahan wang haram dan pembelian keganasan. Hal ini penting untuk mengekalkan integriti sistem kewangan Malaysia.

Pada masa ini, perniagaan pengurusan wang dikawal oleh Akta Pengurusan Wang 1998 [Akta 577] yang akan dimansuhkan oleh Akta yang dicadangkan. Perniagaan pengiriman wang kini dikawal oleh kedua-dua Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [Akta 17] dan Akta Sistem Pembayaran 2003 [Akta 627]. Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 pada masa kini juga mengawal perniagaan mata wang borong. Untuk melaksanakan sepenuhnya Akta yang dicadangkan, pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang akan dikecualikan daripada semua undang-undang yang mengawal pada masa ini, dan di samping itu Akta Pengurusan Wang 1998 akan dimansuhkan. Peniaga yang diberi kuasa yang merupakan bank berlesen dan bank Islam yang berlesen dan masing-masing dikawal selia di bawah Akta Perbankan dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] dan Akta Bank Islam 1983 [Akta 276] dikecualikan daripada Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan. Fasal ini juga menyatakan bahawa Akta ini tidak terpakai bagi mana-mana peniaga yang diberi kuasa.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan. Khususnya, *fasal* ini mentakrifkan dan menjelaskan jenis perniagaan yang termasuk di bawah takrif “perniagaan perkhidmatan wang”.
5. *Fasal 3* memperkatakan fungsi, kuasa dan kewajipan Bank di bawah Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

6. Bahagian II Akta yang dicadangkan yang mengandungi *fasal* 4 hingga 20 memperkatakan pelesenan perniagaan perkhidmatan wang.
7. *Fasal 4* bertujuan untuk melarang mana-mana orang daripada menjalankan perniagaan perkhidmatan wang melainkan jika ia mempunyai lesen.
8. *Fasal 5* mengandungi tatacara bagi permohonan lesen perniagaan perkhidmatan wang.
9. *Fasal 6* menyatakan kehendak bagi lesen dan perkara-perkara yang akan diambil kira oleh Bank dalam mempertimbangkan sama ada untuk memberikan lesen.
10. *Fasal 7* memperuntukkan bahawa Bank boleh memberikan atau enggan untuk memberikan lesen kepada seseorang pemohon selepas mempertimbangkan permohonan itu. *Fasal* ini juga bertujuan memperuntukkan tempoh sesuatu lesen. *Fasal* ini selanjutnya memberi Bank kuasa untuk mengenakan apa-apa syarat dalam memberikan lesen. Pemegang lesen melakukan suatu kesalahan jika ia tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Bank.

11. *Fasal 8* bertujuan untuk memperuntukkan fi yang kena dibayar oleh pemegang lesen kepada Bank dan mempertakaran isu mengenai pembayaran balik fi yang telah dibayar sekiranya lesen dibatalkan, tidak dibaharui oleh Bank atau diserah balik kepada Bank.
12. *Fasal 9* mengandungi tatacara bagi pembaharuan lesen dan perkara-perkara yang akan diambil kira oleh Bank dalam mempertimbangkan sama ada untuk membaharui atau menolak untuk membaharui sesuatu lesen. *Fasal* ini selanjutnya memberi Bank kuasa untuk mengenakan syarat bagi pembaharuan sesuatu lesen.
13. *Fasal 10* memberi Bank kuasa untuk meminda atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan di bawah Akta yang dicadangkan dan juga mengehadkan apa-apa syarat supaya habis tempoh pada apa-apa tarikh yang ditentukan. *Fasal* ini selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan pengenaan syarat-syarat baru ke atas sesuatu lesen selain syarat-syarat yang dikenakan semasa lesen diberikan atau dibaharui.
14. *Fasal 11* bertujuan untuk menghendaki tiap-tiap pemegang lesen untuk mempamerkan lesennya di tempat utama perniagaannya dan suatu salinan lesennya di setiap pejabatnya yang lain, kecuali di terminal elektronik. Pemegang lesen melakukan suatu kesalahan jika ia gagal mempamerkan lesennya sebagaimana yang dikehendaki.
15. *Fasal 12* menyatakan sebab bagi pembatalan lesen dan memperuntukkan tatacara dalam membatalkan sesuatu lesen.
16. *Fasal 13* bertujuan untuk membolehkan seseorang yang lesennya telah dibatalkan untuk membuat rayuan secara bertulis terhadap pembatalan itu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad.
17. *Fasal 14* bertujuan untuk menghendaki sesuatu lesen dikemukakan kepada Bank apabila habis tempoh, tidak dibaharui atau dibatalkan.
18. *Fasal 15* bertujuan untuk menyatakan kesan ke atas lesen yang habis tempoh, tidak dibaharui, dibatalkan atau diserah balik. Dalam keadaan-keadaan ini, pemegang lesen itu terhenti menjalankan perniagaan perkhidmatan wang dan ia melakukan kesalahan jika ia terus menjalankan perniagaan itu.
19. *Fasal 16* bertujuan untuk menyatakan tatacara bagi seseorang pemegang lesen yang bercadang untuk menyerahkan balik lesennya kepada Bank.
20. *Fasal 17* bertujuan untuk menjelaskan bahawa apa-apa lesen yang habis tempoh, tidak dibaharui, dibatalkan atau diserahkan balik tidak boleh menjelaskan apa-apa perjanjian, transaksi atau perkiraan yang dibuat oleh pemegang lesen itu sebelum lesen itu habis tempoh, tidak dibaharui, dibatalkan atau diserah balik.
21. *Fasal 18* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen supaya mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa pertukaran pada namanya.

22. *Fasal 19* bertujuan untuk melarang seseorang pemegang lesen daripada menjalankan perniagaan selain perniagaan perkhidmatan wang yang baginya ia dilesenkan di bawah Akta yang dicadangkan, kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu. Seseorang pemegang lesen melakukan suatu kesalahan jika melanggar larangan ini.
23. *Fasal 20* bertujuan untuk menghendaki Bank untuk menyiaran dalam *Warta* senarai pemegang lesen termasuk apa-apa pindaan kepada senarai itu. Selanjutnya, *fasal* ini memberi Bank kuasa untuk menyiaran senarai itu mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Bank.

BAHAGIAN III

24. Bahagian III Akta yang dicadangkan yang mengandungi *fasal 21* hingga *36* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan penjalanan perniagaan perkhidmatan wang.
25. *Fasal 21* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen untuk mendapatkan kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu sebelum membuka atau menempatkan semula sesuatu pejabat di Malaysia. Seseorang pemegang lesen melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak mematuhi kehendak ini.
26. *Fasal 22* memberi Menteri kuasa untuk menetapkan, atas syor Bank, modal minimum yang hendaklah disenggarakan oleh seseorang pemegang lesen pada setiap masa. Sebagai tambahan, *fasal* ini memberi Bank kuasa, di bawah keadaan yang ditentukan dalam *fasal* ini, untuk mengarahkan seseorang pemegang lesen untuk meningkatkan modal minimum itu. Seseorang pemegang lesen melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak menyenggarakan modal minimum yang ditetapkan oleh Menteri atau sebagaimana yang diarahkan oleh Bank.
27. *Fasal 23* bertujuan untuk melarang penggunaan perkataan “perniagaan perkhidmatan wang”, “pengurusan wang”, “pengiriman wang”, “pindahan wang” atau apa-apa perkataan lain dalam mana-mana bahasa yang dapat ditafsirkan sebagai menunjukkan penjalanan perniagaan perkhidmatan wang, tanpa mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu. Mana-mana orang yang melanggar larangan ini melakukan suatu kesalahan.
28. *Fasal 24* menghendaki seseorang pemegang lesen untuk melekatkan namanya di luar setiap pejabatnya pada setiap masa mengikut kehendak yang ditetapkan dalam *fasal* ini. Pemegang lesen melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak mematuhi kehendak ini.
29. *Fasal 25* bertujuan untuk melarang seseorang, selain seorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang, daripada menerbitkan atau menyiarkan, atau memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan atau menyiarkan suatu iklan yang mengandungi maklumat yang dinyatakan di bawah *fasal* ini. Orang itu melakukan suatu kesalahan sekiranya dia melanggar larangan ini.

30. *Fasal 26* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen untuk memberikan pendedahan yang secukupnya kepada pelanggannya tentang produknya, perkhidmatannya dan apa-apa maklumat lain yang berhubungan dengan produk dan perkhidmatannya sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, sebelum pelaksanaan apa-apa transaksi mana-mana perniagaan perkhidmatan wang dengan mereka. Pemegang lesen itu melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak memberikan penzahiran yang secukupnya itu.
31. *Fasal 27* menghendaki seseorang pemegang lesen untuk mengeluarkan resit kepada pelanggannya, mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, selepas apa-apa transaksi perniagaan perkhidmatan wang selesai. Pemegang lesen itu melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak mematuhi kehendak ini.
32. *Fasal 28* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen untuk menyenggarakan rekod kesemua akaun, resit dan dokumen lain dan maklumat yang berhubungan dengan perniagaan perkhidmatan wangnya mengikut apa-apa cara untuk membolehkan pembentukan semula transaksi itu. Pemegang lesen itu melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak membuat penyenggaraan rekod sedemikian.
33. *Fasal 29* melarang seseorang pemegang lesen daripada menjual, melupuskan, memajakkan, menyerahhakkan atau memindahmilik perniagaan perkhidmatan wangnya kepada, atau menyatakan perniagaan perkhidmatan wangnya dengan, mana-mana orang lain tanpa kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu. Pemegang lesen itu melakukan suatu kesalahan sekiranya ia melanggar larangan ini.
34. *Fasal 30* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen untuk mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu sebelum melantik seorang pengarah atau ketua pegawai eksekutif. Pemegang lesen itu melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak mematuhi kehendak ini. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Bank mempunyai budi bicara penuh untuk memutuskan sama ada seseorang pengarah atau ketua pegawai eksekutif itu telah memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.
35. *Fasal 31* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen, atas perbelanjaannya sendiri, untuk melantik pada setiap tahun seorang juruaudit yang memenuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank. *Fasal* ini turut menetapkan kewajipan juruaudit itu. Pemegang lesen itu melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak melantik juruaudit itu dan juruaudit yang dilantik itu melakukan suatu kesalahan sekiranya dia tidak menjalankan kewajipannya di bawah *fasal* ini.
36. *Fasal 32* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen untuk mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu bagi bakal pemegang syer substansialnya yang hendaklah juga memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank. Pemegang lesen itu melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak mematuhi kehendak ini.

37. *Fasal 33* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen untuk memberitahu secara bertulis kepada Bank tentang apa-apa pertukaran dalam pemegang syerinya dan struktur pemegangan syerinya tidak lewat daripada empat belas hari selepas perubahan itu berlaku. Pemegang lesen itu melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak memberitahu Bank dengan sewajarnya. Selanjutnya, *fasal* ini melarang seseorang pemegang lesen daripada membuat apa-apa perubahan dalam pemegang syerinya atau struktur pemegangan syerinya yang akan mengakibatkan perubahan dalam kawalan perniagaan perkhidmatan wangnya, tanpa mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

38. *Fasal 34* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen untuk mengemukakan apa-apa penyata, dokumen atau maklumat, dan dalam apa-apa tempoh, sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank. Pemegang lesen itu melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak mengemukakan penyata, dokumen atau maklumat dalam tempoh itu.

39. *Fasal 35* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mengemukakan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

40. *Fasal 36* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen untuk mengadakan perkiraan operasi dan tadbir urus sebagaimana yang dinyatakan di bawah *fasal* ini dan pemegang lesen itu melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak berbuat demikian.

BAHAGIAN IV

41. Bahagian IV Akta yang dicadangkan mengandungi *fasal 37 hingga 41* yang memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan perniagaan pengiriman wang.

42. *Fasal 37* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengiriman wang untuk menyenggarakan suatu akaun yang berasingan di suatu bank berlesen bagi maksud mendepositkan wang pelanggannya ke dalam akaun itu. Selanjutnya, *fasal* ini melarang seseorang pemegang lesen daripada mengeluarkan wang daripada akaun itu kecuali bagi keadaan yang dinyatakan dalam *fasal* ini. *Fasal* ini juga bertujuan untuk melindungi dana yang didepositkan ke dalam akaun itu daripada ditahan, disekuester atau dilevikan bagi apa-apa hutang atau tuntutan terhadap pemegang lesen. Seseorang pemegang lesen melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak menyenggarakan suatu akaun yang berasingan atau mematuhi kehendak-kehendak itu.

43. *Fasal 38* menghendaki seseorang pemegang lesen yang telah berhenti daripada menjalankan perniagaan pengiriman wang untuk mengemukakan kepada Bank suatu perakuan penutupan, yang dikeluarkan oleh seorang juruaudit, dalam tempoh enam puluh hari selepas pemberhentian perniagaan itu. Seseorang pemegang lesen melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak mengemukakan kepada Bank perakuan penutupan itu. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menjelaskan bahawa “juruaudit” yang disebut dalam *fasal* ini boleh juruaudit yang dilantik di bawah *fasal 31* atau mana-mana juruaudit lain yang dilantik oleh pemegang lesen yang memenuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

44. *Fasal 39* bertujuan untuk menghendaki seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengiriman wang untuk mematuhi had maksimum transaksi pengiriman wang, jangka masa bagi arahan pengiriman wang luaran bagi pembayaran wang untuk diserahkan kepada ejen korespondennya, jangka masa bagi pengiriman wang tersedia bagi pungutan atau diserahkan kepada beneficiari itu dan apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank. Seseorang pemegang lesen melakukan suatu kesalahan sekiranya ia tidak mematuhi kehendak-kehendak ini.

45. *Fasal 40* bertujuan untuk mlarang seseorang pemegang lesen daripada menggunakan suatu sistem pengiriman wang, sama ada sistemnya sendiri atau suatu sistem pihak ketiga, tanpa mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu. Seseorang pemegang lesen melakukan suatu kesalahan sekiranya ia melanggar larangan ini.

46. *Fasal 41* bertujuan untuk memberi Bank kuasa untuk membatalkan sesuatu kelulusan yang telah diberikan di bawah *fasal 40*. *Fasal* ini juga memperuntukkan hak seseorang pemegang lesen untuk didengar sebelum pembatalan itu dibuat.

BAHAGIAN V

47. Bahagian V Akta yang dicadangkan yang mengandungi *fasal 42* hingga *47* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan ejen perniagaan perkhidmatan wang.

48. *Fasal 42* bertujuan untuk mlarang seseorang pemegang lesen daripada melantik seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan wang bagi pihaknya tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Bank terlebih dahulu. *Fasal* ini turut memberi Bank kuasa untuk menetapkan golongan, kategori atau perihalan pemegang lesen yang layak untuk melantik ejen.

49. *Fasal 43* menyatakan tatacara bagi permohonan untuk melantik seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang. Bank mempunyai budi bicara sama ada untuk memberikan atau enggan untuk memberikan kelulusan.

50. *Fasal 44* bertujuan untuk memperuntukkan supaya Bank hendaklah menyenggarakan suatu daftar ejen perniagaan perkhidmatan wang mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Bank. *Fasal* ini juga bertujuan untuk membenarkan mana-mana orang, dengan pembayaran suatu fi yang ditetapkan, untuk memeriksa daftar itu.

51. *Fasal 45* bertujuan untuk mlarang mana-mana orang daripada menjalankan perniagaan perkhidmatan wang bagi pihak seorang pemegang lesen melainkan jika ia suatu syarikat, yang dilantik oleh seseorang pemegang lesen mengikut *fasal 43*, dan telah didaftarkan mengikut *Fasal 44*. Seseorang yang melanggar larangan ini melakukan kesalahan.

52. *Fasal 46* bertujuan untuk menghendaki ejen perniagaan perkhidmatan wang untuk mematuhi apa-apa peruntukan Akta ini dan kehendak lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank. Ejen perniagaan perkhidmatan wang melakukan suatu kesalahan jika ejen itu tidak mematuhi peruntukan atau kehendak itu dan pemegang lesen juga dianggap melakukan kesalahan itu melainkan jika pemegang lesen itu membuktikan kepada mahkamah bahawa ia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga untuk mencegah ketidakpatuhan itu.

53. *Fasal 47* bertujuan untuk memberi Bank kuasa untuk membatalkan suatu kelulusan yang diberikan di bawah *fasal 43* jika Bank berpuas hati bahawa satu atau lebih daripada hal keadaan yang dinyatakan dalam *fasal* ini telah berlaku. *Fasal* ini juga memperuntukkan hak seorang pemegang lesen untuk didengar sebelum kelulusannya dibatalkan oleh Bank. *Fasal* ini selanjutnya menjelaskan bahawa jika Bank membatalkan kelulusannya, pemegang lesen hendaklah menamatkan pelantikan ejen perniagaan perkhidmatan wangnya dan mengarahkan ejen itu untuk berhenti menjalankan perniagaan perkhidmatan wang bagi pihak pemegang lesen itu. Pemegang lesen itu melakukan kesalahan jika ia tidak melakukan penamatan atau arahan sedemikian itu.

BAHAGIAN VI

54. Bahagian VI Akta yang dicadangkan yang mengandungi *fasal 48* hingga 52 memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan pemeriksaan oleh pemeriksa yang diberi kuasa secara bertulis oleh Bank.

55. *Fasal 48* bertujuan untuk memberi Bank kuasa untuk memeriksa tanpa memberikan notis bertulis terlebih dahulu, apa-apa harta, dokumen, maklumat, sistem pengiriman wang atau transaksi seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wangnya atau pejabatnya atau seseorang ejen perniagaan perkhidmatan wang atau mana-mana pejabatnya.

56. *Fasal 49* bertujuan untuk memberi Bank kuasa untuk memeriksa orang selain orang yang dinyatakan dalam *fasal 48*.

57. *Fasal 50* bertujuan untuk menghendaki seseorang yang di bawah pemeriksaan untuk memberikan akses dan mengemukakan kesemua harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat kepada seseorang pemeriksa yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh Bank untuk menjalankan pemeriksaan itu. *Fasal* ini memberi pemeriksa kuasa untuk mengambil apa-apa harta, radas, dsb. mengikut *fasal* ini.

58. *Fasal 51* bertujuan untuk menghendaki seseorang yang akan diperiksa untuk hadir di hadapan seorang pemeriksa pada bila-bila masa sebagaimana yang ditentukan oleh pemeriksa.

59. *Fasal 52* bertujuan untuk memperuntukkan kerahsiaan laporan pemeriksaan serta menyatakan hal keadaan dan orang yang kepadanya laporan itu boleh dizahirkan.

BAHAGIAN VII

60. Bahagian VII Akta yang dicadangkan mengandungi *fasal 53* hingga 72 memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan penyiasatan dan penguatkuasaan.

61. *Fasal 53* bertujuan untuk memberi Bank kuasa untuk melantik mana-mana pegawai atau pekerjaanya untuk menjadi seorang pegawai penyiasat.
62. *Fasal 54* menetapkan kuasa-kuasa pegawai penyiasat.
63. *Fasal 55* dan *56* memperkatakan peruntukan berkenaan dengan kuasa untuk menggeledah dan menyita, masing-masing dengan waran dan tanpa waran.
64. *Fasal 57* bertujuan untuk memperuntukkan kuasa pegawai penyiasat dalam menjalankan penyiasatannya.
65. *Fasal 58* adalah berkaitan dengan akses kepada maklumat yang dirakamkan dan data komputer untuk diberikan kepada pegawai penyiasat.
66. *Fasal 59* memperuntukkan bahawa waran geledah adalah sah dan berkuatkuasa walaupun terdapat kecacatan, kesilapan atau ketinggalan dalamnya.
67. *Fasal 60* mengenakan tanggungjawab ke atas seseorang pegawai penyiasat untuk menyediakan senarai harta, radas, kelengkapan, jentera, komputer, output komputer, sistem, dokumen atau maklumat yang disita di bawah Akta yang dicadangkan.
68. *Fasal 61* berkaitan dengan pelepasan apa-apa yang telah disita di bawah Akta yang dicadangkan.
69. *Fasal 62* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang yang menghalang pegawai penyiasat dalam menjalankan tugasnya di bawah Akta itu.
70. *Fasal 63* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang pegawai penyiasat boleh menghendaki satu terjemahan dokumen yang dalam suatu bahasa yang selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.
71. *Fasal 64* menetapkan tatacara sesuatu notis memanggil bagi tujuan pemeriksaan.
72. *Fasal 65* bertujuan untuk memberikan kuasa kepada seorang pegawai penyiasat untuk memeriksa mana-mana orang sekiranya dia mempunyai apa-apa sebab untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan sedang atau telah dilakukan di bawah Akta yang dicadangkan.
73. *Fasal 66* bertujuan untuk memberikan kuasa kepada pegawai penyiasat untuk menghendaki mana-mana orang yang menjadi subjek suatu penyiasatan di bawah Bahagian ini, dengan memberi notis secara bertulis, untuk menyerahkan dokumen perjalannya.
74. *Fasal 67* bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Bank, sama ada atas inisiatif sendiri atau atas permintaan seseorang pegawai polis, suatu pihak berkuasa awam atau institusi dalam penjalanan mana-mana penyiasatan di bawah mana-mana undang-undang, untuk membenarkan akses kepada dokumen penyiasatan Bank atau satu salinan dokumen itu.

75. *Fasal 68* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seorang pegawai penyiasat adalah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574] dan seorang pegawai awam bagi maksud Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593].

76. *Fasal 69* bertujuan untuk menjelaskan bahawa sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta yang dicadangkan adalah suatu kesalahan boleh tangkap di mana seseorang pegawai polis yang tidak kurang daripada pangkat inspektor, atau seseorang pegawai penyiasat yang dilantik di bawah fasal 53 boleh menangkap tanpa waran tangkap.

77. *Fasal 70* bertujuan untuk menghendaki seorang pegawai penyiasat yang melakukan suatu tangkapan di bawah *fasal 69* untuk menyerahkan orang yang ditangkap itu kepada seorang pegawai polis.

78. *Fasal 71* bertujuan untuk memperuntukkan kebolehterimaan keterangan yang diberikan oleh seorang ejen provokasi, sama ada dia adalah seorang pegawai Bank atau bukan.

79. *Fasal 72* menetapkan suatu senarai orang tertentu yang berkenaan dengannya kuasa penyiasatan boleh dijalankan.

BAHAGIAN VIII

80. Bahagian VIII Akta yang dicadangkan yang mengandungi *fasal 73* hingga *79* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kuasa-kuasa lain Bank.

81. *Fasal 73* bertujuan untuk memberi Bank kuasa untuk mengeluarkan arahan dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam *fasal* ini kepada seseorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wang.

82. *Fasal 74* bertujuan untuk memberi Bank kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, pekeliling, piawaian atau notis.

83. *Fasal 75* bertujuan untuk memberi Bank kuasa untuk mengambil tindakan pentadbiran terhadap seseorang pemegang lesen bagi apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan selain peruntukan yang disenaraikan dalam Jadual dan bagi ketidakpatuhan dengan mana-mana notis, pekeliling, piawaian atau garis panduan bertulis yang dikeluarkan oleh Bank.

84. *Fasal 76* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Bank boleh memulakan prosiding sivil terhadap seseorang dalam mahkamah, tidak kira sama ada orang itu telah didakwa atas mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan, atau sama ada suatu pelanggaran telah dibuktikan melalui suatu pendakwaan.

85. *Fasal 77* bertujuan untuk memberi Bank kuasa untuk membuat permohonan kepada mahkamah bagi perintah tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam *fasal* ini.

86. *Fasal 78* bertujuan untuk memberi Bank kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perkara-perkara yang ditetapkan di bawah *fasal* ini untuk melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

87. *Fasal 79* bertujuan untuk memberi Bank kuasa untuk menyiaran apa-apa maklumat sebagaimana yang difikirkan oleh Bank perlu atau suai munafaat demi kepentingan awam, mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Bank.

BAHAGIAN IX

88. Bahagian IX Akta yang dicadangkan yang mengandungi *fasal 80* hingga *92* memperkatakan peruntukan pelbagai.

89. *Fasal 80* memperuntukkan bahawa apabila sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan, pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpama bagi pertubuhan perbadanan itu juga bertanggungan bagi kesalahan itu.

90. *Fasal 81* memperkatakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pekerja atau ejen.

91. *Fasal 82* bertujuan untuk memperuntukkan bagi percantuman kesalahan.

92. *Fasal 83* bertujuan untuk memperuntukkan perlindungan kepada Menteri, Bank atau Gabenornya, pengarahnnya, pegawainya, dsb. yang bertindak bagi pihak Bank terhadap mana-mana prosiding undang-undang bagi sesuatu perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat dengan suci hati atau berkaitan dengan pelaksanaan mana-mana kuasa yang diberikan kepada Bank di bawah Akta yang dicadangkan.

93. *Fasal 84* bertujuan untuk memperuntukkan obligasi kerahsiaan ke atas pemegang lesen dan ejen perniagaan perkhidmatan wang.

94. *Fasal 85* menyatakan hal keadaan yang dalamnya penzahiran maklumat atau dokumen dibenarkan.

95. *Fasal 86* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang cuba, melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan bagi atau menyubahati atau terlibat dalam suatu komplot jenayah, melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum sebagaimana yang diperuntukkan di bawah *fasal* ini.

96. *Fasal 87* memperuntukkan penalti am bagi kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

97. *Fasal 88* memberi Gabenor kuasa, dengan persetujuan bertulis Pendakwa Raya, untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta yang dicadangkan.

98. *Fasal 89* memperuntukkan bahawa pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah dimulakan dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

99. *Fasal 90* bertujuan untuk membolehkan Menteri, atas syar Bank, untuk meminda senarai peruntukan yang dinyatakan dalam Jadual.

100. *Fasal 91* memberi Menteri kuasa untuk membuat pengecualian, melalui suatu perintah yang disiarkan dalam Warta.

101. *Fasal 92* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta yang dicadangkan ini hendaklah dibaca dengan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

BAHAGIAN X

102. Bahagian X Akta yang dicadangkan yang mengandungi *fasal 93 hingga 96* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan pemansuhan, pengecualian dan peralihan.

103. *Fasal 93* memansuhkan Akta Pengurusan Wang 1998.

104. *Fasal 94* menetapkan peruntukan kecualian dan peralihan berhubung dengan orang yang mempunyai lesen pengurusan wang di bawah Akta Pengurusan Wang 1998, yang mendapat kebenaran daripada Pengawal Pertukaran Wang Asing untuk menjalankan perniagaan pengiriman wang atau perniagaan mata wang borong di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan menerima pemberitahuan daripada Bank di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003 berhubung dengan pengadaan perniagaan pengiriman wang dengan menggunakan sistem pengiriman wangnya sendiri, pengadaan perniagaan pengiriman wang dengan menggunakan sistem pengiriman wang pihak ketiga, atau pengadaan sistem pengiriman wang kepada mana-mana orang, pada permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

105. *Fasal 95* bertujuan untuk memperuntukkan proses pelesenan semula dan menyatakan tempoh masa sesuatu permohonan bagi lesen baru hendaklah dibuat di bawah Akta yang dicadangkan.

106. *Fasal 96* bertujuan untuk mengadakan peruntukan peralihan tentang kesemua perundangan subsidiari, tindakan eksekutif dan kesemua perbuatan lain yang dilakukan atau akan dijalankan oleh Bank di bawah Akta yang dimansuhkan, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan Akta Sistem Pembayaran 2003 berkenaan dengan perniagaan pengurusan wang, perniagaan pengiriman wang, perniagaan mata wang borong dan pengendalian sistem bayaran, mengikut mana-mana yang berkenaan.

107. Jadual bertujuan untuk mengadakan senarai peruntukan dalam Akta yang dicadangkan yang dikecualikan daripada tindakan pentadbiran oleh Bank.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.